



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 2





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PULAU PINANG

SIRI 2

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|-------------------|
| KATA PENDAHULUAN | vii |
| INTISARI LAPORAN | xi |
| AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI | |
| JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI Pengurusan Bantuan Am | 3 |
| MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI Pengurusan Kenderaan | 16 |
| PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG Pembangunan Batu Kawan Pulau Pinang | 35 |
| PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. | 46 |
| PENUTUP | 65 |



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk di bentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.
4. Sebanyak 3 aktiviti dan satu pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara

Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak 3 lagi aktiviti dan 1 pengurusan syarikat iaitu Pengurusan Bantuan Am, Pengurusan Kenderaan, Pembangunan Batu Kawan Pulau Pinang dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri iaitu PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 14 syor untuk diambil tindakan Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
6 Jun 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI

- Pengurusan Bantuan Am

1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (Jabatan) berperanan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Sehubungan itu, salah satu langkah yang diambil adalah dengan memberi bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan iaitu melalui Skim Bantuan Am. Bantuan Am (Bantuan) merupakan pemberian berupa wang oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu individu yang tidak berkemampuan dan memerlukan Bantuan asas bagi menjamin kelangsungan hidup dengan sempurna mengikut kumpulan sasaran. Bantuan ini diberikan bagi satu tempoh masa tertentu sehingga mereka boleh berdikari. Mulai Januari 2010, kadar baru Bantuan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah antara RM100 hingga RM350 sebulan bagi setiap penerima yang layak. Manakala kadar pendapatan keluarga ditetapkan sebanyak RM720. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan sebanyak 33.3% atas kadar semasa sebagai tambahan kepada Bantuan sedia ada. Bagi tempoh 2010 sehingga bulan Julai 2012, jumlah penerima Bantuan yang aktif di Pulau Pinang adalah seramai 2,866 orang. Bagi tempoh tersebut Jabatan telah menerima sejumlah RM12.23 juta peruntukan dan sehingga Julai 2012 sejumlah RM10.55 juta (86.2%) telah dibelanjakan.

1.2. Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan setakat bulan Julai 2012 mendapati pengurusan Bantuan Am adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pembayaran dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia.
- Bantuan dikeluarkan daripada akaun penerima yang meninggal dunia.
- Agihan Bantuan menggunakan kadar lama.
- Agihan Bantuan kepada penerima yang telah ditamatkan.
- Kelewatan menjalankan siasatan terhadap permohonan Bantuan.
- Kelewatan meluluskan permohonan Bantuan.
- Kelewatan memaklumkan keputusan permohonan Bantuan.
- Kajian semula kes lanjutan tidak dijalankan mengikut peraturan.
- Bantuan yang tidak dituntut.

1.3. Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah yang dibangkitkan seperti di atas serta mengelakkan daripada terus berulang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Mewujudkan mesyuarat berkala antara Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang dan Bank Simpanan Nasional bagi menyelaraskan maklumat terkini penerima Bantuan dan mendapatkan kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia berhubung dengan maklumat penerima yang meninggal dunia.

1.3.2. Mewajibkan Pegawai Penyiasat membuat lawatan ke rumah penerima bagi menentukan status dan kelayakan penerima Bantuan.

1.3.3. Memastikan penerima yang telah ditamatkan Bantuan dihentikan pembayaran dengan segera.

1.3.4. Memastikan proses permohonan Bantuan dan kajian semula kes mematuhi peraturan yang ditetapkan.

1.3.5. Memastikan pegawai menyemak Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan bulanan secara terperinci dan membuat lawatan susulan bagi mengenal pasti sebab-sebab wang Bantuan tidak diambil.

2. MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

- Pengurusan Kenderaan

2.1. Majlis Perbandaran Seberang Perai (Majlis) merupakan sebuah kerajaan tempatan yang meliputi kawasan seluas 738.41 km persegi. Majlis ditubuhkan mengikut kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Visi Majlis ialah untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami. Misinya pula adalah menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada komuniti Seberang Perai. Majlis bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan pengurusan kenderaan bagi 13 Jabatan yang meliputi urusan pembelian, penggunaan, penyenggaraan dan penyimpanan kenderaan bertujuan melancarkan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis kepada rakyat. Setakat Disember 2012, Majlis mempunyai sebanyak 267 kenderaan yang terdiri dari pelbagai jenis seperti salun, pacuan empat roda, kenderaan utiliti pelbagai guna, lori, trak dan jentera berat yang diperuntukkan kepada 13 jabatan dengan kos perolehan berjumlah RM38.30 juta. Antara kenderaan tersebut ada yang diperoleh sejak tahun 1978.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kenderaan di 3 Jabatan iaitu Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, dan Jabatan Direktorat Penguatkuasaan adalah di tahap kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak ditubuhkan bagi perolehan kenderaan secara tender.
- Pemantauan penggunaan kenderaan tidak dapat disempurnakan oleh Pegawai Pengangkutan.
- Kos penyenggaraan bagi 5 kes kenderaan berusia melebihi 10 tahun melebihi kos asal pembelian kenderaan antara 109% dan 232%.
- Tempat penyimpanan kenderaan didapati kurang sesuai.

2.3. Bagi memastikan pengurusan kenderaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (Majlis) dapat dipertingkatkan, adalah disyorkan tindakan seperti berikut:

2.3.1. Mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga bagi perolehan kenderaan.

2.3.2. Mewujudkan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi pemantauan serta kawalan dalaman terhadap penggunaan kenderaan yang melibatkan fungsi Pegawai Pengangkutan.

2.3.3. Mewujudkan polisi bagi perancangan pelupusan kenderaan Majlis.

2.3.4. Menyediakan depoh kenderaan yang sesuai dan selamat bagi semua kenderaan Majlis.

3. PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

- Pembangunan Batu Kawan Pulau Pinang

3.1. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah membuat pengambilan tanah pada tahun 1990 di kawasan Batu Kawan milik individu dan syarikat Batu Kawan Bhd. Pengambilan tanah seluas 6,326.53 ekar dengan kos berjumlah RM138 juta telah dipersetujui untuk dibangunkan selama 20 hingga 25 tahun mulai tahun 1995 sebagai *Pig Farming Area (PFA)* mengikut kertas perancangan pada ketika itu. Bagaimanapun, pada tahun 2004, pindaan kepada perancangan asal telah dibuat dengan menukar Pelan Induk Batu Kawan tersebut kepada *Township* (Pembangunan Bercampur) di mana infra pembangunan diberi keutamaan bagi kesejahteraan penduduk sekitarnya.

3.2. Projek pembangunan Batu Kawan kini dikenali sebagai Bandar Cassia dan telah dilancarkan sebagai projek perumahan mampu milik dan juga kos sederhana rendah pada 28 Ogos 2004. Terkini, kawasan ini telah diperkemas perancangan pembangunannya sebagai sebuah pusat *Cyber Center* iaitu sebuah Pusat Kecemerlangan ICT yang boleh menyokong pembangunan K-ekonomi Negeri Pulau Pinang mengikut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang pada tahun 2007.

3.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2012 mendapati secara keseluruhannya, pencapaian pelaksanaan pembangunan Batu Kawan di tahap kurang memuaskan dan belum mencapai matlamatnya berbanding dengan perancangan yang ditetapkan. Pencapaian Pembangunan Batu Kawan sejak dari tahun 1994 sehingga 2004 adalah perlahan disebabkan pihak PDC tidak mempunyai keputusan terhadap hala tuju pembangunannya pada ketika itu. Selepas Pelan Induk Batu Kawan 1994 dibatalkan, pelan baru yang berkonsepkan bandar baru telah digubal. Bagaimanapun didapati:

- Pelan disediakan tanpa tempoh, kos dan jadual pelaksanaan.
- Pindahan hak milik tanah tidak dilakukan.
- Pemaju lewat menyiapkan projek perumahan

3.4. Bagi memastikan pencapaian Pembangunan Batu Kawan mencapai objektifnya, adalah disyorkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengambil tindakan berikut:

3.4.1. Memastikan penyelarasan dasar pembangunan wujud di antara PDC dan Kerajaan Negeri.

3.4.2. Mempertingkatkan pemantauan dan tindakan susulan terhadap pelaksanaan setiap projek.

4. PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG - PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

4.1. PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai PDC Technical Services Sdn. Bhd.) adalah sebuah anak syarikat milik penuh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd.. PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd, (Syarikat) diperbadankan pada 15 Januari 1995. Pada mulanya Syarikat ini adalah sebuah syarikat yang "dormant", tetapi diaktifkan semula pada tahun 2005 melalui usaha sama dengan MESB Bhd. dan telah ditandatangani dengan pegangan saham sebanyak 60% oleh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. dan 40% oleh MESB Bhd.. Syarikat mula beroperasi pada 13 Jun 2005 dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar RM1.5 juta. Syarikat juga telah mendapat Lesen Individu Pemberi Kemudahan Rangkaian oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM). Aktiviti utama Syarikat adalah untuk menggerakkan usaha untuk membina dan menyiapkan menara dan struktur telekomunikasi secara guna sama di seluruh negeri Pulau Pinang. Syarikat juga berperanan sebagai badan perantaraan antara syarikat telekomunikasi dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi lain. Syarikat dianggotai oleh 8 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh seorang Ahli Parlimen. Anggota pengurusan Syarikatnya diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 14 orang kakitangan Syarikat.

4.2. Pengauditan yang dijalankan mulai bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan adalah baik manakala pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan aset adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Aspek keselamatan dan kebersihan kawasan tapak menara bagi 3 lokasi daripada 7 lokasi yang dilawati adalah tidak memuaskan.
- Dua daripada 7 lokasi pembinaan menara telekomunikasi tidak mematuhi jarak minimum dari bangunan/kediaman terdekat.
- Syarikat menanggung kerugian berjumlah RM363,000 kerana pemasangan *Portable Base Transceiver Station* (PBTS) tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan dan gagal beroperasi.
- Tunggakan bayaran sewaan menara telekomunikasi daripada *celcos* berjumlah RM3.06 juta tidak dapat dikutip.
- Peranan Ketua Pegawai Eksekutif diambil alih dan dilaksanakan oleh Pengerusi dan 2 orang ahli Lembaga Pengarah kerana jawatan tersebut tidak diisi melebihi setahun.
- Peraturan pengurusan aset dari aspek pelabelan aset, pendaftaran dan penyelenggaraan buku log kenderaan tidak dipatuhi.

4.3. Secara keseluruhannya pengurusan Syarikat dari aspek pengurusan kewangan adalah baik tetapi dari aspek tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti masih boleh diperbaiki. Bagi memastikan syarikat mencapai objektif penubuhannya, aspek tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan pengurusan aset perlu dipertingkatkan oleh Syarikat dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

4.3.1. Mematuhi semua prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh SKMM dan agensi-agensinya yang berkaitan.

4.3.2. Mematuhi Kod Malaysia Untuk Tadbir Urus Korporat 2012 (MCCG) dan Buku Hijau Teras Dasar Dan Garis Panduan terutamanya mengenai pengisian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengasingan tugas antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif.

4.3.3. Mematuhi prosedur perolehan dan pengurusan aset mengikut Amalan Terbaik Syarikat.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI

1. PENGURUSAN BANTUAN AM

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (Jabatan) berperanan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Sehubungan itu, salah satu langkah yang diambil adalah dengan memberi bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan iaitu melalui Skim Bantuan Am. Bantuan Am (Bantuan) merupakan pemberian berupa wang oleh Jabatan bagi membantu individu yang tidak berkemampuan dan memerlukan bantuan asas bagi menjamin kelangsungan hidup dengan sempurna mengikut kumpulan sasaran. Bantuan ini diberikan bagi satu tempoh masa tertentu sehingga mereka boleh berdikari. Mulai Januari 2010, kadar baru Bantuan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah antara RM100 hingga RM350 sebulan bagi setiap penerima yang layak. Manakala kadar pendapatan keluarga ditetapkan sejumlah RM720. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga menambah sebanyak 33.3% atas kadar semasa sebagai tambahan kepada jumlah Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

1.1.2. Populasi penduduk Pulau Pinang pada tahun 2010 ialah seramai 1.51 juta orang. Bagi tempoh 2010 sehingga bulan Julai 2012, jumlah penerima Bantuan yang aktif di Pulau Pinang adalah seramai 2,866 orang. Bagi tempoh tersebut Jabatan telah menerima sejumlah RM12.23 juta peruntukan dan sehingga Julai 2012 sejumlah RM10.55 juta (86.2%) telah dibelanjakan.

1.1.3. Bagi memastikan kejayaan program ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mengeluarkan garis panduan melalui Arahan Kerja dan Prosedur Kualiti berkaitan dengan pengendalian bantuan kebajikan mengikut MS ISO 9001:2008 di samping mematuhi surat-surat pekeliling semasa. Kajian audit seperti ini pernah dijalankan di Pulau Pinang pada tahun 2008 dan di negeri lain seperti Pahang, Kedah dan Johor pada tahun 2006, 2007 dan 2010. Antara perkara yang dilaporkan di Pulau Pinang pada 2008 adalah mengenai bantuan diberi kepada pemohon yang tidak layak, kelewatan menjalankan siasatan dan memberi kelulusan, pengagihan wang bantuan kepada orang yang telah meninggal dunia dan kes wang bantuan terpaksa dipulangkan balik oleh bank telah menjejaskan peluang orang miskin yang lain mendapat bantuan. Jabatan perlu meningkatkan lagi penyeliaan dan pemantauan yang lebih rapi bagi meningkatkan pengurusan pemberian bantuan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan bagi menilai sama ada Pengurusan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan dengan teratur dan mencapai objektifnya.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

1.3.1. Skop pengauditan ini meliputi aspek permohonan, siasatan dan pembayaran serta pemulangan Bantuan bagi tempoh 2010 hingga 2012 di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang dan 2 pejabat daerah iaitu Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut (PKMDTL) dan Daerah Seberang Perai Utara (PKMDSPU).

1.3.2. Semakan dilakukan terhadap daftar permohonan, laporan siasatan, 223 fail penerima Bantuan, Laporan Kajian Semula kes Bantuan, laporan pembayaran dan dokumen berkaitan. Sampel fail yang dipilih terdiri daripada permohonan individu daripada 2 daerah tersebut yang mempunyai bilangan penerima Bantuan tertinggi. Selain itu, analisis Audit terhadap 1,762 data penerima Bantuan dalam Laporan Pembayaran Bantuan Bulanan dilakukan bagi mengukur prestasi agihan Bantuan. Pengesahan status penerima Bantuan dengan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang (JPNPP) juga dilakukan. Lawatan bersama pegawai Jabatan dibuat di kediaman penerima Bantuan dan sesi temu bual dengan penerima Bantuan turut dijalankan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan setakat bulan Julai 2012 mendapati pengurusan Bantuan Am masih lagi kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pembayaran dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia.
- Bantuan dikeluarkan daripada akaun penerima yang meninggal dunia.
- Agihan Bantuan menggunakan kadar lama.
- Agihan Bantuan kepada penerima yang telah ditamatkan.
- Kelewatan menjalankan siasatan terhadap permohonan Bantuan.
- Kelewatan meluluskan permohonan Bantuan.
- Kelewatan memaklumkan keputusan permohonan Bantuan.
- Kajian semula kes lanjutan tidak dijalankan mengikut peraturan.
- Bantuan yang tidak dituntut.

1.4.1. Prestasi Penerima Bantuan

Bantuan Am diagihkan kepada penerima yang layak setelah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Laporan Pembayaran Bantuan Bulanan bagi semua penerima Bantuan di Pulau Pinang mendapati perkara berikut:

1.4.1.1. Penerima Telah Meninggal Dunia

- a. Pada bulan Julai 2012, seramai 1,762 orang penerima di bawah pengurusan PKMDTL dan PKMDSPU telah menerima Bantuan melalui bank. Berdasarkan senarai keseluruhan penerima Bantuan bagi 2 daerah yang dipilih daripada Laporan Pembayaran, pengesahan melalui nama dan nombor kad pengenalan telah dibuat dengan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang (JPNPP) sebagai pengesahan kesahihan dan kewujudan penerima Bantuan. Mengikut maklum balas JPNPP, didapati seramai 155 orang penerima telah meninggal dunia dari tahun 2006 hingga bulan Jun 2012. Bagaimanapun, nama mereka masih lagi tersenarai dalam senarai Laporan Pembayaran Bantuan Bulanan.
- b. Berdasarkan kepada pengiraan Audit adalah dianggarkan sejumlah RM344,540 wang Bantuan telah dikreditkan ke akaun bank penerima tersebut seperti di **Jadual 1.1**. Perkara yang sama pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2008, bagaimanapun perkara ini masih berlaku.

Jadual 1.1
Analisis Bantuan Dibayar Kepada Penerima Yang Meninggal Dunia

| Daerah | Bilangan Kes/Tahun Terlibat | | | | | | | Jumlah Kes | Amaun (RM) |
|----------------------|-----------------------------|----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|----------------|
| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | | |
| Timur Laut | - | - | 5 | 15 | 26 | 35 | 9 | 90 | 198,770 |
| Seberang Perai Utara | 1 | 4 | 3 | 12 | 24 | 13 | 8 | 65 | 145,770 |
| Jumlah | 1 | 4 | 8 | 27 | 50 | 48 | 17 | 155 | 344,540 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- c. **Dari maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012, pembayaran Bantuan masih terus dibuat kepada penerima yang meninggal dunia disebabkan bilangan pertambahan kes baru diberi keutamaan dan pegawai penyiasat tidak sempat mengulang kaji kes lama mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, penetapan syarat tidak dibuat oleh Jabatan kepada waris untuk memaklumkan kematian penerima Bantuan. PKMDTL telah menyemak Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan bagi bulan Mei 2012 dengan JPNPP dan mendapati sebanyak 67 penerima Bantuan yang meninggal dunia dan Bantuan telah ditamatkan pada bulan Julai 2012. Manakala PKMDSPU telah menyemak Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan bagi bulan April dan Mei 2012 untuk tindakan pengemaskinian maklumat penerima. Lawatan siasatan Jabatan ke rumah juga mendapati 28 penerima Bantuan yang meninggal dunia telah ditamatkan Bantuan mereka.**

1.4.1.2. Bantuan Dikeluarkan Daripada Akaun Penerima Yang Telah Meninggal Dunia

- a. Semakan terhadap Laporan Bulanan Larian *Auto-Debit* BSN bagi 155 akaun penerima yang telah meninggal dunia mendapati sejumlah RM13,070 wang Bantuan daripada 77 kes penerima yang meninggal dunia telah dikeluarkan melalui akaun penerima tersebut seperti di **Jadual 1.2**. Manakala baki sebanyak 78 kes wang Bantuan yang tidak dikeluarkan telah dikembalikan kepada Jabatan melalui pengesahan di Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan.

Jadual 1.2
Wang Bantuan Dikeluarkan Daripada Akaun Penerima Yang Meninggal Dunia

| Bil. | Daerah | Bilangan Kes | Jumlah (RM) |
|---------------|----------------------|--------------|---------------|
| 1. | Timur Laut | 43 | 7,700 |
| 2. | Seberang Perai Utara | 34 | 5,370 |
| Jumlah | | 77 | 13,070 |

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

- b. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012, peraturan yang menetapkan kepada waris supaya memaklumkan kematian penerima Bantuan belum disediakan lalu menyebabkan Bantuan masih disalurkan ke akaun penerima tersebut. Selepas teguran Audit, kedua-dua PKMD telah menamatkan Bantuan kepada penerima yang meninggal dunia iaitu seramai 43 orang di PKMDTL dan 34 orang di PKMDSPU.**

1.4.1.3. Maklumat Kad Pengenalan Penerima Tidak Tepat

- a. Semakan di JPNPP terhadap Laporan Pembayaran Bantuan Bulanan bagi bulan Julai 2012 mendapati sebanyak 25 kes iaitu 17 kes di PKMDTL dan 8 kes di PKMDSPU yang mana nombor kad pengenalan yang dicatat pada Laporan Pembayaran tersebut tiada dalam pangkalan data JPNPP seperti di **Jadual 1.3**. Ini menyebabkan bayaran yang dibuat boleh diragui kesahihan penerima Bantuan. Perkara yang sama pernah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2008. Bagaimanapun perkara ini didapati masih berlaku.

Jadual 1.3**Senarai Nombor Kad Pengenalan Penerima Yang Tiada Dalam Pangkalan Data JPNPP**

| Bil. | Daerah | Nombor Kad Pengenalan |
|------|----------------------|-----------------------|
| 1. | Timur Laut | 360412075478 |
| 2. | | 361228075158 |
| 3. | | 530326075411 |
| 4. | | 531217075069 |
| 5. | | 621001075373 |
| 6. | | 530703078059 |
| 7. | | 600900075332 |
| 8. | | 641110075056 |
| 9. | | 550323075088 |
| 10. | | 590513075979 |
| 11. | | 500920075489 |
| 12. | | 821012075757 |
| 13. | | 491109075226 |
| 14. | | 51010107553 |
| 15. | | 460623075400 |
| 16. | | 660310075635 |
| 17. | | 1055205 |
| 18. | Seberang Perai Utara | 281213035351 |
| 19. | | 301020075105 |
| 20. | | 331220075708 |
| 21. | | 351220075143 |
| 22. | | 360912025177 |
| 23. | | 47066025445 |
| 24. | | 000004604120 |
| 25. | | 3107620 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- b. **Menurut maklum balas Jabatan pada 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012, PKMDTL dan PKMDSPU telah menyemak salinan kad pengenalan dalam fail dan pembetulan telah dilakukan. Keadaan ini berlaku disebabkan kesilapan semasa memasukkan nombor kad pengenalan dalam Borang JKM/G/1 atau semasa mengunci masuk Sistem Pembayaran (SGR). Bagi tindakan penambahbaikan, semua kemasukan maklumat penerima seperti nombor kad pengenalan ke dalam Sistem Bayaran Bersepadu Kebajikan (SBBK) akan melalui 3 proses iaitu penyedia, penyemak dan pelulus. Senarai kes penerima baru Bantuan akan dikemukakan untuk semakan JPNPP sebelum proses pembayaran dilaksanakan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan maklumat penerima Bantuan adalah kurang memuaskan kerana terdapat bayaran Bantuan kepada penerima yang telah meninggal dunia dan maklumat penerima Bantuan yang tidak tepat.

1.4.2. Pengagihan Bantuan

Penerima yang telah diluluskan Bantuan dikehendaki membuka akaun dengan Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi memudahkan wang Bantuan disalurkan kepada penerima tersebut. Setiap bulan, Laporan Pembayaran Bantuan Bulanan yang mengandungi maklumat penerima Bantuan seperti kadar bantuan, nombor kad pengenalan dan nombor

akaun bank akan dijana melalui Sistem JKM-GIRO. Selain itu, bagi memberi peluang kepada penerima Bantuan memiliki keperluan asas yang lebih selesa di samping menampung kos sara hidup yang semakin meningkat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 1 Tahun 2009 telah meluluskan kadar minimum Bantuan RM100 sebulan berkuat kuasa mulai tahun 2010. Selanjutnya Bantuan akan ditamatkan bagi penerima yang meninggal dunia, berpindah ke daerah lain dan mampu berdikari. Semakan Audit terhadap pengagihan wang Bantuan mendapati perkara seperti berikut:

1.4.2.1. Agihan Bantuan Menggunakan Kadar Lama

- a. Sebelum tahun 2010, kadar minimum Bantuan adalah RM70 sebulan. Bagaimanapun mulai tahun 2010, MMK telah meluluskan kenaikan kadar minimum bantuan kepada RM100 sebulan. Semakan Audit terhadap Laporan Pembayaran Bantuan Bulanan mendapati seramai 1,054 (59.8%) dari 1,762 penerima Bantuan sejak dari tahun 2010 masih dibayar menggunakan kadar lama antara RM70 hingga RM90 sebulan. Berdasarkan perkiraan Audit, sejumlah RM291,130 kurang diterima oleh penerima berkenaan bagi tempoh 2010 hingga bulan Julai 2012 seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4

Analisis Penerima Yang Menerima Bantuan Menggunakan Kadar Lama

| Bil. | Daerah | Bilangan Penerima Bantuan | Bulan/Bilangan Kes | | | | Jumlah Bilangan Kes | Jumlah Yang Kurang Diterima Oleh Penerima (RM) |
|---------------|--------|---------------------------|--------------------|-----------|------------|------------|---------------------|--|
| | | | 1 - 3 | 4 - 6 | 7 - 9 | 10 - 12 | | |
| 1. | TL | 1,046 | 84 | 70 | 87 | 319 | 560 | 144,220 |
| 2. | SPU | 716 | 43 | 19 | 97 | 335 | 494 | 146,910 |
| Jumlah | | 1,762 | 127 | 89 | 184 | 654 | 1,054 | 291,130 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- b. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012, kegagalan mengemaskinikan kadar bayaran Bantuan disebabkan oleh bebanan bilangan kes dan pegawai penyiasat yang terlibat dengan tugas lain dari semasa ke semasa. Bagaimanapun arahan perubahan kadar minimum baru melalui kajian semula telah dikeluarkan untuk diselesaikan secara berperingkat.**

1.4.2.2. Agihan Bantuan Kepada Penerima Yang Telah Ditamatkan

- a. Bagi penerima yang akan ditamatkan Bantuan, Arahan Penamatan Bayaran (Borang JKM/G/1) akan dikeluarkan oleh PKMD kepada Jabatan supaya Bantuan tersebut ditamatkan. Penamatan Bantuan dibuat sekiranya penerima telah meninggal dunia, berpindah ke daerah lain dan mampu berdikari. Semakan Audit terhadap Borang JKM/G/1 mendapati seramai 6 orang penerima yang mampu berdikari tetapi masih menerima Bantuan berjumlah RM24,170 seperti di **Jadual 1.5**. Semakan lanjut juga mendapati bayaran tidak dihentikan oleh Jabatan walaupun arahan penamatan telah dikeluarkan oleh PKMDSPU.

Jadual 1.5**Senarai Penerima Yang Masih Menerima Bantuan Walaupun Telah Ditamatkan**

| Bil. | Daerah | Nombor Kad Pengenalan Penerima | Bulan Bantuan Ditamatkan (Borang JKM/G/1) | Bulan Pembayaran Terakhir | Kadar Bantuan (RM) | Tempoh Bantuan Tidak Diluluskan (Bulan) | Jumlah Amaun Yang Diterima (RM) |
|---------------|--------|--------------------------------|---|---------------------------|--------------------|---|---------------------------------|
| 1. | SPU | 380921075267 | Jan 2011 | Julai 12 | 100 | 19 | 1,900 |
| 2. | | 201125025035 | Feb 2009 | Nov 2011 | 70 | 34 | 2,380 |
| 3. | | 000002533954 | Jan 2007 | Julai 12 | 200 | 67 | 13,400 |
| 4. | | 280623075025 | Ogos 2009 | Julai 12 | 70 | 36 | 2,520 |
| 5. | | 301104075277 | Mei 2009 | Julai 12 | 100 | 39 | 3,900 |
| 6. | | 181129075050 | Okt 2010 | Okt 10 | 70 | 1 | 70 |
| Jumlah | | | | | | | 24,170 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- b. **Jabatan memaklumkan pada 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012, bahawa Arahan Penamatan Bayaran telah disediakan oleh Pegawai Penyiasat di peringkat daerah dan dikemukakan ke Jabatan untuk ditamatkan. Bagaimanapun hanya seorang pegawai ditugaskan untuk memasukkan data penamatan Bantuan dan tidak disusuli oleh Pegawai Penyemak. Tindakan pemantauan telah diambil dan hasilnya 4 kes ditamatkan Bantuan pada Oktober 2012.**
- c. Selain itu, semakan mendapati kedua-dua PKMD lewat mengeluarkan Arahan Penamatan Bayaran kepada Jabatan bagi memberhentikan bayaran kepada 51 penerima yang meninggal dunia antara 3 hingga 65 bulan melibatkan bayaran berjumlah RM118,010 seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6**Analisis Borang JKM/G/1 Yang Lewat Dikeluarkan Kepada Penerima Yang Meninggal Dunia**

| Bil. | Daerah | Bulan/Bilangan Kes Lewat | | | | | | Jumlah Kes | Jumlah Amaun (RM) |
|---------------|--------|--------------------------|-----------|----------|----------|----------|----------|------------|-------------------|
| | | 3 - 15 | 16 - 25 | 26 - 35 | 36 - 45 | 46 - 55 | 56 - 65 | | |
| 1. | TL | 10 | 4 | 5 | 2 | 0 | 0 | 21 | 47,690 |
| 2. | SPU | 16 | 7 | 3 | 2 | 1 | 1 | 30 | 70,320 |
| Jumlah | | 26 | 11 | 8 | 4 | 1 | 1 | 51 | 118,010 |

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

- d. **Daripada maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012, kelewatan Borang JKM/G/1 dikeluarkan kerana kematian penerima Bantuan tidak atau lewat dimaklumkan oleh waris. Pada masa yang sama Pegawai Penyiasat tidak sempat membuat ulang kaji mengikut tempoh yang ditetapkan. Tarikh akhir kemasukan data dari Borang JKM/G/1 adalah pada 15 hari bulan setiap bulan menyebabkan penamatan kes selepas 15 hari bulan tidak dapat dibuat dengan serta merta. Amalan ini akan mengambil masa sehingga 2 bulan untuk dikeluarkan dari senarai SGR. Sistem SBBK yang telah dibangunkan diperluaskan penggunaannya di setiap daerah selepas teguran Audit.**

Pada pendapat Audit, pengurusan agihan Bantuan adalah kurang memuaskan kerana terdapat agihan Bantuan kepada penerima yang telah ditamatkan dan arahan penamatan bayaran lewat dikeluarkan.

1.4.3. Prestasi Pemprosesan Permohonan Bantuan

Setiap permohonan yang diterima akan direkodkan di Buku Daftar Permohonan Bantuan bagi PKMDSPU. Manakala bagi PKMDTL permohonan akan direkodkan melalui Sistem Permohonan Bantuan Kewangan Daerah Timur Laut (Sistem DTL) yang dibangunkan secara *in-house* oleh kakitangan Jabatan. Siasatan awal dijalankan oleh pegawai penyiasat untuk memastikan kelayakan pemohon dan jenis bantuan yang sesuai. Siasatan terperinci ke rumah pemohon dijalankan untuk menilai keadaan sosioekonomi dan melihat keadaan kehidupan pemohon. Hasil siasatan direkodkan dalam Borang Penyiasatan (JKM17) berserta dengan kadar Bantuan yang disyorkan untuk kelulusan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat. Sebanyak 223 sampel fail penerima Bantuan meliputi 121 fail di PKMDTL dan 102 fail di PKMDSPU telah dipilih untuk pengauditan di mana sebanyak 86 fail merupakan permohonan baru yang diterima manakala baki 137 fail merupakan penerima Bantuan yang lama sebelum tahun 2010. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

1.4.3.1. Kelewatan Menjalankan Siasatan Permohonan Bantuan

- a. Berdasarkan Buku Panduan Pelanggan Jabatan, setiap permohonan yang diterima hendaklah disiasat dalam tempoh 2 minggu (14 hari) dari tarikh permohonan diterima. Semakan Audit terhadap 86 fail permohonan baru mendapati, sebanyak 49 permohonan lewat dijalankan siasatan melebihi tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima iaitu 34 kes di PKMDTL dan 15 kes di PKMDSPU seperti di **Jadual 1.7**. Manakala baki 37 kes siasatan bagi kedua-dua daerah telah dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Jadual 1.7
Permohonan Lewat Disiasat Mengikut Daerah

| Bil. | Daerah | Jumlah Fail Permohonan | Bilangan Fail / Tempoh Kelewatan (Hari) | | | | Jumlah Fail Lewat Disiasat |
|---------------|--------|------------------------|---|-----------|-----------|-----------|----------------------------|
| | | | > 30 - 100 | 101 - 200 | 201 - 300 | 301 - 387 | |
| 1. | TL | 55 | 20 | 12 | 1 | 1 | 34 |
| 2. | SPU | 31 | 10 | 3 | 2 | - | 15 |
| Jumlah | | 86 | 30 | 15 | 3 | 1 | 49 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- b. Pihak Audit dimaklumkan oleh Jabatan bahawa kelewatan tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya tempoh masa melengkapkan laporan siasatan memakan masa yang panjang dan ada yang memerlukan pengesahan hospital atau pemohon tiada di rumah semasa lawatan dijalankan. Selain itu, pertambahan bilangan permohonan setiap tahun yang perlu diproses tidak dapat ditampung oleh bilangan pegawai penyiasat sedia ada.

1.4.3.2. Kelewatan Meluluskan Permohonan Bantuan

- a. Buku Panduan Pelanggan Jabatan menetapkan bahawa permohonan hendaklah diluluskan dan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 2 minggu (14 hari) daripada tarikh siasatan dijalankan atau dalam masa satu bulan dari tarikh permohonan. Semakan Audit terhadap 86 fail yang sama mendapati, sebanyak 49 permohonan bagi kedua-dua daerah lewat diluluskan antara 6 hingga 279 hari. Kelewatan kelulusan menyebabkan pemohon yang layak lewat menerima Bantuan. Kedudukan kes permohonan lewat diluluskan adalah seperti di **Jadual 1.8**. Perkara yang sama pernah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2008, bagaimanapun perkara ini masih berlaku.

Jadual 1.8
Permohonan Lewat Diluluskan Mengikut Daerah

| Bil. | Daerah | Jumlah Permohonan | Lewat Lulus | | TM | | Tempoh Kelewatan (Hari) |
|---------------|--------|-------------------|-------------|-------------|-----------|-------------|-------------------------|
| | | | Bil. | (%) | Bil. | (%) | |
| 1. | TL | 55 | 34 | 61.8 | 3 | 5.5 | 6 – 178 |
| 2. | SPU | 31 | 15 | 51.6 | 8 | 25.8 | 6 – 279 |
| Jumlah | | 86 | 49 | 57.0 | 11 | 12.8 | 6 - 279 |

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
TM- Tiada Maklumat

- b. Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 34 kes permohonan lewat diluluskan antara 6 hingga 178 hari di PKMDTL dan 15 kes lewat diluluskan antara 6 hingga 279 hari di PKMDSPU. Sebanyak 11 kes permohonan bagi kedua-dua daerah tidak dapat disahkan tempoh kelulusan disebabkan tarikh kelulusan tidak dinyatakan di borang JKM17. Manakala baki 26 kes permohonan bagi kedua-dua daerah telah diluluskan mengikut tempoh yang ditetapkan.

1.4.3.3. Kelewatan Memaklumkan Keputusan Permohonan

- a. Mengikut Buku Panduan Pelanggan Jabatan, keputusan permohonan hendaklah dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh satu bulan (30 hari) daripada tarikh permohonan diterima. Semakan Audit terhadap 86 fail yang sama mendapati, sebanyak 47 kes keputusan permohonan dimaklumkan melebihi tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan diterima seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Keputusan Permohonan Lewat Dimaklumkan Mengikut Daerah

| Bil. | Daerah | Jumlah Permohonan | Lewat Keputusan | | TM | | Tempoh Kelewatan (Hari) |
|---------------|--------|-------------------|-----------------|-------------|-----------|-------------|-------------------------|
| | | | Bil. | (%) | Bil. | (%) | |
| 1. | TL | 55 | 35 | 63.6 | 7 | 12.7 | 7 – 215 |
| 2. | SPU | 31 | 12 | 38.7 | 11 | 35.5 | 7 – 279 |
| Jumlah | | 86 | 47 | 54.7 | 18 | 20.9 | 7 - 279 |

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
TM- Tiada Maklumat

- b. Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 35 kes keputusan permohonan lewat dimaklumkan kepada pemohon antara 7 hingga 215 hari di PKMDTL dan 12 kes lewat dimaklumkan antara 7 hingga 279 hari di PKMDSPU. Sebanyak 18 kes keputusan permohonan bagi kedua-dua daerah tidak dapat disahkan tempoh keputusan dimaklumkan disebabkan tarikh surat tidak dinyatakan. Manakala baki 21 kes keputusan permohonan bagi kedua-dua daerah telah dimaklumkan kepada pemohon mengikut tempoh yang ditetapkan. Kelewatan memaklumkan keputusan permohonan menyebabkan pemohon tidak mengetahui sama ada permohonan mereka diterima atau ditolak dan sebab-sebab kenapa permohonan mereka ditolak atau tidak diluluskan.

1.4.3.4. Maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012 mengesahkan kelewatan siasatan, kelulusan dan keputusan dimaklumkan kepada pemohon disebabkan terdapat penerima Bantuan yang tidak dapat mengemukakan dokumen lengkap kepada Jabatan. Selain itu, Jabatan juga mengakui bahawa pelaksanaan Projek Cari mulai tahun 2008 telah menyebabkan berlakunya penambahan kes baru dan menjadikan nisbah untuk seorang pegawai kes di PKMDTL dan PKMDSPU masing-masing adalah 1:600 dan 1:400. Jabatan telah mengambil tindakan dengan melaksanakan *Business Process Reengineering (BPR)* bagi mempercepatkan siasatan dan kelulusan Bantuan. Melalui BPR, permohonan kes yang lengkap dapat diproses dalam tempoh 7 hari.

Pada pendapat Audit, prestasi pemprosesan permohonan Bantuan adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan dalam siasatan, kelulusan dan pemakluman keputusan permohonan Bantuan kepada pemohon.

1.4.4. Kajian Semula Kes Lanjutan Tidak Mengikut Peraturan

1.4.4.1. Tempoh kelulusan bagi setiap pemberian Bantuan adalah 12 bulan. Kajian semula kes perlu dijalankan sekali setahun bagi memastikan sama ada Bantuan perlu diteruskan atau ditamatkan serta menentukan sama ada kadar Bantuan masih relevan atau sebaliknya. Kajian semula kes dijalankan oleh Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pembantu Kebajikan Masyarakat. Kaedah siasatan untuk kajian semula kes dilakukan sama ada pegawai penyiasat melawat ke rumah penerima Bantuan atau penerima diminta hadir ke PKMD sekiranya tiada di rumah semasa lawatan. Ulasan dan syor dikemukakan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah untuk kelulusan. Berdasarkan minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 1 Tahun 2009, kajian semula kes lanjutan hendaklah dijalankan dalam tempoh 2 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan Bantuan yang diberikan terdahulu. Semakan Audit mendapati sebanyak 189 daripada 223 fail perlu dijalankan kajian semula. Daripada 189 fail tersebut, sebanyak 145 fail lewat dijalankan kajian semula seperti di **Jadual 1.10** dan pembayaran Bantuan masih diteruskan dalam tempoh tersebut. Perkara yang sama pernah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2008 dan perkara ini masih berlaku.

Jadual 1.10
Kajian Semula Kes Lanjutan Lewat Dijalankan Mengikut Daerah

| Bil. | Daerah | Tempoh Kelewatan (Bulan) | | | TM | Jumlah Fail |
|---------------|--------|--------------------------|-----------|----------|-----------|-------------|
| | | 1 - 4 | 5 - 8 | 9 - 12 | | |
| 1. | TL | 71 | 16 | 0 | 13 | 100 |
| 2. | SPU | 23 | 1 | 1 | 20 | 45 |
| Jumlah | | 94 | 17 | 1 | 33 | 145 |

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
 TM- Tiada Maklumat

1.4.4.2. Merujuk kepada jadual di atas, sebanyak 33 kes tempoh kajian semula tidak dapat disahkan. Ini adalah kerana tarikh kajian semula tidak dicatat dan maklumat mengenai laporan kajian semula kes lanjutan tiada dalam fail penerima Bantuan. Kelewatan menjalankan kajian semula akan menyebabkan Jabatan tidak dapat menilai status penerima Bantuan sama ada masih layak menerima Bantuan atau tidak.

1.4.4.3. Berdasarkan maklum balas Jabatan pada 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012, kaedah kajian semula kes melalui lawatan ke rumah atau dipanggil ke pejabat kurang efektif kerana penerima Bantuan kurang memberi kerjasama. PKMDTL dan PKMDSPU telah membentuk Pasukan Petugas untuk mengemas kini data penerima Bantuan pada bulan Mei hingga Jun 2012 dan dijalankan secara berterusan mulai bulan Oktober 2012. Selain itu, Jabatan tidak mempunyai sistem pemantauan terhadap kajian semula kes. Pertukaran Pegawai Penyiasat baru dan pertambahan bilangan kes baru turut menyebabkan pengurusan kes terjejas dan Pegawai Penyiasat tidak sempat membuat lawatan ke rumah bagi sebilangan kes kajian semula. Bagaimanapun selepas *exit conference*, Jabatan telah membentuk Pasukan Petugas dan pemantauan sepanjang masa dilakukan.

Pada pendapat Audit, tindakan menjalankan kajian semula kes kurang memuaskan kerana lewat dilaksanakan.

1.4.5. Pemulangan Wang Bantuan

Setiap bulan Bank Simpanan Nasional (BSN) akan menghantar Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan kepada Jabatan di mana penerima Bantuan yang tidak mengambil Bantuan bulanan di akaun BSN selepas 21 hari bulan akan disenaraikan. Mengikut Arahan Kerja No. 13 dalam MS ISO 9001:2008 Jabatan, Pegawai Penyiasat dikehendaki menyiasat semua kes Bantuan yang tidak dituntut dan laporan penyiasatan disediakan dalam fail untuk makluman Pengarah Kebajikan Mengikut Daerah (PKMD). Di samping itu, Jabatan juga telah mengeluarkan pekeliling bertarikh 5 Ogos 2005 tentang Tatacara Pengurusan Kes Pemulangan Bantuan Kewangan. Mengikut pekeliling ini, Pegawai Penyiasat hendaklah meneliti Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan setiap bulan dan membuat siasatan terhadap semua kes yang terdapat dalam laporan tersebut. Seterusnya, laporan siasatan hendaklah diserahkan kepada PKMD untuk keputusan sama ada kes tersebut perlu ditamatkan atau boleh dilanjutkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

1.4.5.1. Bantuan Yang Tidak Dituntut

- a. Berdasarkan Laporan Pembayaran Bantuan bulan Julai 2012, semakan Audit mendapati seramai 246 daripada 1,762 penerima, tidak mengambil wang Bantuan antara 4 hingga 70 bulan berjumlah RM536,550. Semakan lanjut mendapati Pegawai Penyiasat tidak membuat siasatan semula bagi mengenal pasti sebab-sebab wang tidak dituntut dan menentukan sama ada penerima tersebut masih layak atau perlu ditamatkan. Bagi penerima yang masih layak, Bantuan akan dilanjutkan manakala bagi penerima yang tidak memenuhi kriteria kelayakan seperti telah meninggal dunia, berpindah ke daerah lain dan mampu berdikari, Pegawai Penyiasat akan mengesyorkan kepada PKMD untuk menamatkan Bantuan. Bagaimanapun, semakan mendapati tindakan penamatan tersebut tidak dilaksanakan. Perkara yang sama pernah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2008 dan perkara ini masih berlaku. Maklumat Bantuan yang tidak dituntut adalah seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11
Bantuan Yang Tidak Dituntut Mengikut Daerah

| Bil. | Daerah | Bulan/Bilangan Kes | | | | | | | Jumlah Kes | Jumlah Amaun (RM) |
|---------------|--------|--------------------|-----------|-----------|-----------|----------|----------|----------|------------|-------------------|
| | | 4 - 15 | 16 - 25 | 26 - 35 | 36 - 45 | 46 - 55 | 56 - 65 | 66 - 70 | | |
| 1. | TL | 67 | 35 | 32 | 7 | 3 | 0 | 0 | 144 | 307,450 |
| 2. | SPU | 46 | 26 | 16 | 8 | 2 | 3 | 1 | 102 | 229,100 |
| Jumlah | | 113 | 61 | 48 | 15 | 5 | 3 | 1 | 246 | 536,550 |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

- b. Pihak Audit mendapati kes ini berlaku kerana Jabatan tidak meneliti dan menyemak Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan setiap bulan dan mengambil tindakan untuk menyiasat kes tersebut. Keadaan ini menyebabkan wang Bantuan yang terlibat dengan kes pemulangan ini tidak dapat disalurkan kepada pemohon-pemohon baru yang memerlukan bantuan. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012 dan 1 November 2012, Prosedur Operasi Standard Jabatan (SOP) telah menetapkan pemantauan terhadap Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan dan kajian semula kes dibuat bagi penamatan kes Bantuan. Bagaimanapun, pelaksanaannya tidak dibuat secara menyeluruh oleh Jabatan dan PKMD. Jabatan juga mengakui isu tersebut berpunca daripada perkara berikut:**
- Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan Bulanan tidak mempunyai alamat rumah penerima yang lengkap dan menyukarkan Pegawai Penyiasat membuat pengesanan kes melalui fail atau sistem.**
 - Pegawai Penyiasat membuat perancangan sendiri tanpa pemantauan penyelarasan Jabatan.**

- iii. Terdapat kes di mana penerima Bantuan tidak dapat ditemui semasa lawatan kaji semula ke rumah walaupun kad lawatan Jabatan ditinggalkan di rumah mereka.

Pada pendapat Audit, pengurusan kes-kes pemulangan Bantuan adalah kurang memuaskan kerana Jabatan tidak meneliti laporan berkaitan setiap bulan dan membuat penyiasatan serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap kes Bantuan tersebut.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi tujuan penambahbaikan dan mengatasi masalah yang dibangkitkan seperti di atas serta mengelakkan daripada terus berulang, Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Mewujudkan mesyuarat berkala antara Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang dan Bank Simpanan Nasional bagi menyelaraskan maklumat terkini penerima Bantuan dan mendapatkan kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia berhubung dengan maklumat penerima yang meninggal dunia.

1.5.2. Mewajibkan Pegawai Penyiasat membuat lawatan ke rumah penerima bagi menentukan status dan kelayakan penerima Bantuan.

1.5.3. Memastikan penerima yang telah ditamatkan Bantuan dihentikan pembayaran dengan segera.

1.5.4. Memastikan proses permohonan Bantuan dan kajian semula kes mematuhi peraturan yang ditetapkan.

1.5.5. Memastikan pegawai menyemak Laporan Ringkasan Pemulangan Bantuan bulanan secara terperinci dan membuat lawatan susulan bagi mengenal pasti sebab-sebab wang Bantuan tidak diambil.

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

2. PENGURUSAN KENDERAAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Perbandaran Seberang Perai (Majlis) merupakan sebuah kerajaan tempatan yang meliputi kawasan seluas 738.41 km persegi. Majlis ditubuhkan mengikut kuasa di bawah Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Visi Majlis ialah untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami. Misinya pula adalah menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada komuniti Seberang Perai.

2.1.2. Majlis bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan pengurusan kenderaan bagi 13 Jabatan yang meliputi urusan pembelian, penggunaan, penyenggaraan dan penyimpanan kenderaan bertujuan melancarkan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis kepada rakyat.

2.1.3. Setakat Disember 2012, Majlis mempunyai sebanyak 267 kenderaan yang terdiri dari pelbagai jenis seperti salun, pacuan empat roda, kenderaan utiliti pelbagai guna, lori, trak dan jentera berat yang diperuntukkan kepada 13 jabatan dengan kos perolehan berjumlah RM38.30 juta. Antara kenderaan tersebut ada yang diperoleh sejak tahun 1978. Bilangan kenderaan mengikut jabatan adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Bilangan Kenderaan Mengikut Jabatan

| Bil. | Jabatan | Bilangan Kenderaan (Unit) | Kos Perolehan (RM) |
|---------------|--------------------------------|---------------------------|--------------------|
| 1. | Perkhidmatan Perbandaran | 134 | 25,112,036 |
| 2. | Direktorat Penguatkuasaan | 34 | 3,271,932 |
| 3. | Khidmat Pengurusan | 28 | 4,195,382 |
| 4. | Kejuruteraan | 29 | 2,510,940 |
| 5. | Undang-undang | 13 | 957,361 |
| 6. | Perkhidmatan Kesihatan | 10 | 739,245 |
| 7. | Perbendaharaan | 9 | 735,905 |
| 8. | Pelesenan | 4 | 311,790 |
| 9. | Perancang Bandar | 2 | 144,566 |
| 10. | Bangunan | 2 | 138,559 |
| 11. | Penilaian dan Pengurusan Harta | 1 | 91,906 |
| 12. | Kemasyarakatan | 1 | 91,356 |
| 13. | Pesuruhjaya Bangunan | - | - |
| Jumlah | | 267 | 38,300,978 |

Sumber: Pusat Servis Kenderaan Berat (PUSKEB), Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kenderaan Majlis telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan di 3 Jabatan iaitu Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Direktorat Penguatkuasaan meliputi aspek perolehan, penggunaan, penyenggaraan dan penyimpanan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak rekod kenderaan, fail, laporan, minit mesyuarat dan dokumen perjanjian yang diselenggarakan oleh Majlis. Di samping itu, temu bual dengan pegawai berkenaan dan lawatan fizikal turut dilakukan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Disember 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan kenderaan di 3 Jabatan tersebut adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak ditubuhkan bagi perolehan kenderaan secara tender.
- Pemantauan penggunaan kenderaan tidak dapat disempurnakan oleh Pegawai Pengangkutan.
- Kos penyenggaraan bagi 5 kes kenderaan berusia melebihi 10 tahun melebihi kos asal pembelian kenderaan antara 109% dan 232%.
- Tempat penyimpanan kenderaan didapati kurang sesuai.

2.4.1. Perolehan Kenderaan

2.4.1.1. Majlis menetapkan semua perolehan kenderaan Majlis secara tender, sebut harga dan pembelian terus diuruskan dan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kejuruteraan yang diketuai oleh Pengarah Kejuruteraan, Gred J52. Selain daripada menguatkuasakan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2008 berhubung dengan perolehan kenderaan, Majlis juga mengguna pakai kaedah penilaian tender bekalan, perkhidmatan dan kerja mengikut Perintah Tetap 1996 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 sebagai garis panduan untuk perolehan kenderaan.

2.4.1.2. Bagaimanapun, semakan mendapati Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak ditubuhkan untuk perolehan kenderaan melalui tender di Majlis. Sebaliknya Kertas Perakuan Penilaian Tawaran disediakan oleh Pengarah Kejuruteraan dan dikemukakan kepada Lembaga Tawaran Majlis untuk

kelulusan. Semakan selanjutnya mendapati 4 unit kenderaan baru *back hoe loader* telah dibeli dengan kos RM779,400 melalui proses ini seperti di **Jadual 2.2** untuk kegunaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran tetapi tidak dapat digunakan.

Jadual 2.2

Perolehan *Back Hoe Loader* Melalui Tender Bernombor T 0411030

| Model | Buatan | Bilangan Dibeli (Unit) | Tujuan Kegunaan | Jumlah (RM) |
|-------------|----------------------|------------------------|--------------------------------|-------------|
| KAT WZ30-25 | XUZHOU KAT MACHINERY | 4 | Pembersihan Parit Dan Longkang | 779,400 |

Sumber: Pusat Servis Kenderaan Berat (PUSKEB), Jabatan Kejuruteraan Dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.4.1.3. Kenderaan tersebut telah diperiksa dan mendapat Sijil Pemeriksaan Dan Pengujian Kenderaan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Namun terdapat kerosakan pada kenderaan tersebut yang perlu diperbaiki seperti yang dilaporkan oleh JKR dalam Laporan Pemeriksaan Kenderaan/Loji. Majlis telah melaporkan kerosakan tersebut dan telah dibaiki semula oleh pembekal. Walaupun bayaran bagi perolehan kenderaan telah dibuat pada 19 Januari 2012, kenderaan berkenaan hanya dapat diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran untuk digunakan antara 78 dan 111 hari selepas diperiksa oleh JKR seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3

Tempoh 4 Unit Kenderaan *Back Hoe Loader* Tidak Dapat Digunakan

| Nombor Pendaftaran | Tarikh Kenderaan Diperiksa Oleh JKR | Tarikh Kenderaan Diserah Kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran | Tempoh Kenderaan Tidak Dapat Digunakan (Hari) |
|--------------------|-------------------------------------|--|---|
| PKK 499 | 27/12/2011 | 6/4/2012 | 101 |
| PKK 548 | 27/12/2011 | 14/3/2012 | 78 |
| PKK 553 | 27/12/2011 | 16/4/2012 | 111 |
| PKK 559 | 27/12/2011 | 16/3/2012 | 80 |

Sumber: PUSKEB, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.4.1.4. Empat buah kenderaan tersebut juga kerap kali mengalami kerosakan setelah digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Antara kerosakan yang dilaporkan adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4**Kerosakan Pada Kenderaan *Back Hoe Loader* Setelah Digunakan**

| Bil. | Nombor Pendaftaran | Tarikh Kerosakan | Jenis Kerosakan |
|------|--------------------|------------------|---|
| 1. | PKK 548 | 10/05/2012 | <i>Steering, longshaft cover</i> longgar dan <i>Clip Stand</i> rosak |
| | | 24/09/2012 | Mengalami masalah sistem <i>steering</i> |
| 2. | PKK 553 | 10/05/2012 | Tangki air radiator bocor |
| | | 24/09/2012 | Mengalami masalah sistem <i>steering</i> |
| | | 08/10/2012 | Sistem <i>starter</i> |
| 3. | PKK 559 | 01/08/2012 | <i>Belting alternator</i> kendur, bateri tidak boleh di caj, enjin kenderaan tidak boleh dihidupkan |
| | | 24/09/2012 | Mengalami masalah sistem <i>steering</i> |
| | | 06/10/2012 | Sistem <i>steering</i> dan sistem <i>starter</i> |
| 4. | PKK 499 | 24/09/2012 | Mengalami masalah sistem <i>steering</i> |
| | | 05/10/2012 | Sistem <i>starter</i> |

Sumber: PUSKEB, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.4.1.5. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013:

- a. Jawatankuasa Penilaian Teknikal tidak diwujudkan semenjak tahun 2007 kerana pada masa itu Unit Mekanikal hanya mempunyai 2 orang kakitangan teknikal. Dengan penambahan seorang Penolong Jurutera Mekanikal pada 2 Januari 2013, Majlis telah mengambil tindakan mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga bagi setiap pembelian kenderaan supaya Majlis dapat mengamalkan *check and balance* sebelum Lembaga Perolehan Majlis mencapai keputusan untuk perolehan dari aspek spesifikasi kenderaan dan harga.
- b. Empat unit kenderaan *back hoe loader* yang mengalami kerosakan setelah digunakan telah diperbaiki oleh pembekal. Kerosakan yang berlaku adalah kerosakan kecil dan kenderaan ini masih dalam tempoh jaminan. Maka kenderaan tersebut telah dikembalikan kepada PUSKEB untuk dibaiki segera oleh pembekal.

2.4.2. Penggunaan Kenderaan

Pegawai Pengangkutan telah dilantik oleh Majlis untuk dipertanggungjawabkan terhadap penggunaan, penyenggaraan dan keselamatan kenderaan. Bagaimanapun Pegawai Pengangkutan tidak dapat melaksanakan tugasnya dengan memuaskan seperti berikut:

2.4.2.1. Mekanisme Pemantauan

- a. Majlis telah melantik Pegawai Pengangkutan yang mempunyai kelayakan mekanikal. Antara tugasnya termasuklah menyelenggarakan rekod-rekod kenderaan, agihan penggunaan kenderaan dan penyenggaraan kenderaan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati Pegawai Pengangkutan tersebut juga menjalankan tugas-tugas lain seperti pengurusan dan penyenggaraan rumah pam, loji rawatan tangki najis dan pengurusan serta penyenggaraan fasiliti mekanikal dalam bangunan Majlis seperti

yang direkodkan pada senarai tugas. Sebaliknya tugas-tugas berhubung dengan agihan, penggunaan dan penyenggaraan diserahkan kepada Ketua-ketua Jabatan di 3 Jabatan masing-masing termasuk pemeriksaan dan keselamatan kenderaan-kenderaan di bawah penyeliaan Jabatan seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Pemantauan Kenderaan Di 3 Jabatan

| Jabatan | Bilangan Kenderaan | Bilangan Kenderaan Yang Dipantau Oleh Ketua Jabatan | Bilangan Kenderaan Yang Dipantau Oleh Pegawai Pengangkutan |
|---------------------------|--------------------|---|--|
| Khidmat Pengurusan | 28 | 28 | Tiada |
| Perkhidmatan Perbandaran | 134 | 134 | Tiada |
| Direktorat Penguatkuasaan | 34 | 34 | Tiada |
| Jumlah | 196 | 196 | - |

Sumber: Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

- b. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013, waran perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak menyediakan perjawatan untuk Unit Pengurusan Kenderaan. Oleh itu, Majlis menggunakan kakitangan sedia ada iaitu Penolong Pengarah Kejuruteraan yang juga terlibat dengan tugas-tugas lain. Bagi meringankan tugas Pegawai Pengangkutan, Majlis terpaksa mempertanggungjawabkan kepada Pegawai Penyelia Kenderaan yang ada di setiap Jabatan di Majlis yang juga bertanggungjawab kepada tugas-tugas lain untuk membuat pemantauan terhadap agihan, penggunaan dan penyenggaraan kenderaan. Setelah teguran Audit, Majlis telah membuat penambahbaikan seperti berikut:**
- i. Semua Ketua Jabatan perlu memastikan Buku Log kenderaan dan cerakinan sentiasa dikemas kini dan disahkan oleh Ketua Jabatan.**
 - ii. Laporan cerakinan perlu disediakan serta disahkan oleh Ketua Jabatan dan dikemukakan kepada Pegawai Pengangkutan Majlis setiap bulan.**
 - iii. Pegawai Pengangkutan akan melaporkan kepada Pengurusan Atasan berkenaan pengurusan kenderaan setiap 3 bulan.**

2.4.2.2. Penyelenggaraan Buku Log

- a. Buku Log merupakan dokumen utama yang berfungsi sebagai rekod kawalan penggunaan kenderaan Jabatan. Pegawai Pengangkutan bertanggungjawab memastikan Buku Log disediakan bagi semua kenderaan serta penyelenggaraannya lengkap dan kemas kini. Semakan Audit terhadap 223 Buku Log mendapati antara 3 dan 173 maklumat tidak dilengkapkan seperti di **Jadual 2.6**. Keadaan ini berlaku kerana pemandu tidak mengemas kini buku log setiap kali membuat perjalanan dan**

telah menyebabkan pengesahan dan pemantauan oleh Pegawai Pengangkutan bagi tujuan perjalanan, jarak dan penggunaan minyak tidak dapat dibuat.

Jadual 2.6
Penyelenggaraan Buku Log Kenderaan

| Jabatan | Bilangan Kenderaan | Bilangan Buku Log Disemak | Bilangan Maklumat Tidak Dilengkapkan | | | | | | |
|---------------------------|--------------------|---------------------------|--------------------------------------|------------|-----------|----------|-----------|------------|-----------|
| | | | A | B | C | D | E | F | G |
| Perkhidmatan Perbandaran | 134 | 50 | 8 | 14 | 3 | 1 | 14 | 11 | 0 |
| Direktorat Penguatkuasaan | 34 | 24 | 13 | 23 | 9 | 1 | 17 | 20 | 3 |
| Khidmat Pengurusan | 28 | 149 | 95 | 104 | 7 | 1 | 43 | 142 | 89 |
| Jumlah | 196 | 223 | 116 | 141 | 19 | 3 | 74 | 173 | 92 |

Sumber: Buku Log Majlis Perbandaran Seberang Perai

Nota:

- | | |
|-----------------------|---|
| A - Tarikh | E - Nama Dan Tandatangan Pegawai Yang Memberi Kuasa |
| B - Masa | F - Nama Dan Tandatangan Pegawai Yang Mengguna |
| C - Nama Pemandu | G - Bacaan Odometer |
| D - Tujuan Perjalanan | |

- b. Sebagai contoh, analisis terhadap 223 Buku Log yang diselenggarakan bagi 196 kenderaan di 3 Jabatan seperti di **Jadual 2.7** dilaporkan seperti berikut:

Jadual 2.7
Analisis Terhadap Buku Log Yang Diselenggarakan

| Bil. | Ruangan Dalam Buku Log | Bilangan Kenderaan Di 3 Jabatan | Bilangan Buku Log Disemak | Bilangan Buku Log Yang Tidak Lengkap | Peratus Bilangan Buku Log Yang Tidak Lengkap (%) |
|---------------|---|---------------------------------|---------------------------|--------------------------------------|--|
| 1. | Tarikh | 196 | 223 | 116 | 52.0 |
| 2. | Masa | | | 141 | 63.2 |
| 3. | Nama Pemandu | | | 19 | 8.5 |
| 4. | Tujuan Perjalanan | | | 3 | 1.3 |
| 5. | Nama Dan Tandatangan Pegawai Yang Memberi Kuasa | | | 74 | 33.2 |
| 6. | Nama Dan Tandatangan Pegawai Yang Mengguna | | | 173 | 77.6 |
| 7. | Bacaan Odometer | | | 92 | 41.3 |
| Jumlah | | 196 | 223 | | |

Sumber: Buku Log Majlis Perbandaran Seberang Perai

- i. Analisis menunjukkan 7 ruangan dalam Buku Log yang tidak dilengkapkan dan boleh memberi ruang kepada penggunaan kenderaan secara tidak sah.
 - ii. Hampir 78% Buku Log tidak diselenggarakan dengan lengkap.
- c. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013, Majlis telah mengambil tindakan mengemas kini buku log dan cerakanin setiap kenderaan**

Jabatan mengikut keperluan pekeliling dan laporan dikemukakan kepada Pegawai Pengangkutan Majlis setiap bulan.

2.4.2.3. Pengurusan Penggunaan Minyak

a. Penyimpanan Dan Pergerakan Kad Inden Minyak

- i. Kad inden disimpan oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan menyelia kenderaan dan minyak dibekalkan mengikut keperluan seperti Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999. Peraturan ini diamalkan bagi memastikan kad inden minyak tidak disalahgunakan. Pemeriksaan terhadap kad inden yang diselenggarakan di 3 Jabatan mendapati 66 daripada 133 kad inden telah disimpan oleh pemandu manakala baki 67 kad inden lagi disimpan oleh pegawai yang diberi kuasa seperti di **Jadual 2.8**. Kad inden disimpan oleh pemandu kerana pegawai yang menyelia tidak memantau pergerakan kad inden tersebut dan juga amalan ini dilaksanakan bagi memudahkan pemandu mengisi minyak.

Jadual 2.8
Penyimpanan Kad Inden Minyak

| Jabatan/ Unit | Unit / Pusat Khidmat Pembersihan/ Tapak Semaian | Bilangan Kad | Tarikh Lawatan Audit | Bilangan Kad Yang Dipegang Oleh Pegawai | Bilangan Kad Yang Dipegang Oleh Pemandu |
|---------------------------|---|--------------|----------------------|---|---|
| Khidmat Pengurusan | Pentadbiran | 10 | 06/11/2012 | - | 10 |
| | Unit Skwad Khas | 16 | 06/11/2012 | - | 16 |
| Perkhidmatan Perbandaran | Pentadbiran | 2 | 27/11/2012 | - | 2 |
| | P41 Kepala Batas | 10 | 27/11/2012 | 5 | 5 |
| | P43 Bagan | 5 | 27/11/2012 | 4 | 1 |
| | P42 Tasek Gelugor | 6 | 27/11/2012 | 2 | 4 |
| | P44 Permatang Pauh | 6 | 27/11/2012 | 6 | - |
| | P45 Bukit Mertajam | 10 | 28/11/2012 | 9 | 1 |
| | P46 Batu Kawan | 10 | 28/11/2012 | 8 | 2 |
| | P47 Nibong Tebal | 8 | 28/11/2012 | 8 | - |
| | Tapak Semaian Utara | 10 | 27/11/2012 | 7 | 3 |
| | Tapak Semaian Tengah | 9 | 28/11/2012 | 9 | - |
| Tapak Semaian Selatan | 8 | 28/11/2012 | 5 | 3 | |
| Direktorat Penguatkuasaan | | 23 | 06/12/2012 | 4 | 19 |
| Jumlah | | 133 | | 67 | 66 |

Sumber: Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Jabatan Direktorat Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

- ii. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013, mengikut prosedur Majlis, kad inden minyak disimpan oleh Pegawai Penyelia Kenderaan di setiap Jabatan yang dilantik oleh Ketua Jabatan. Bagaimanapun, bagi menjamin kelancaran dalam memberikan perkhidmatan di luar waktu pejabat hingga lewat malam, menyelesaikan aduan dan juga disebabkan oleh kawasan pentadbiran Majlis yang luas meliputi seluruh Seberang Perai, maka kad inden minyak perlu disimpan oleh pemandu dan hanya diserahkan kepada Pegawai Penyelia Kenderaan**

apabila selesai tugas. Setelah teguran Audit, Majlis telah mengambil tindakan berikut:

- Mengemas kini Buku Laporan Kad Inden Minyak di setiap Jabatan bagi merekodkan masa dan tarikh kad diambil dan diserahkan oleh pemandu serta disahkan oleh Pegawai Penyelia Kenderaan.
- Sekiranya terdapat keperluan kad inden minyak perlu dipegang oleh pemandu di luar waktu pejabat atau bukan hari bekerja, kebenaran bertulis hendaklah diberi oleh Ketua Jabatan.

b. Pembelian Minyak Bagi Tempoh Yang Singkat

- Berdasarkan pekeliling, syarikat pembekal minyak Petronas dan Shell akan mengemukakan invoice dan penyata pembelian kepada Majlis untuk tujuan bayaran. Majlis ada membuat penyemakan ke atas penyata pembelian yang diterima daripada syarikat pembekal minyak Petronas dan Shell sebelum pembayaran dibuat setiap bulan. Bagaimanapun semakan Audit terhadap penyata pembelian minyak dari tahun 2010 hingga 2012 mendapati pembelian minyak berlaku dalam jarak waktu yang amat singkat antara 4 dan 92 minit bagi kenderaan yang sama seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Butiran Pembelian Minyak Dalam Jarak Waktu Yang Amat Singkat

| No. Kad Inden Minyak | No. Pendaftaran | Jenis Kenderaan | Tarikh | Masa | Jarak Masa (Minit) | Kuantiti (Liter) | Jumlah (RM) |
|-----------------------|-----------------|-----------------|------------|-------|--------------------|------------------|-------------|
| 708381732 47799576 | PDK 2606 | Jip | 28/07/2012 | 8.12 | 58 | 56.667 | 102.00 |
| | | | | 9.10 | | 48.389 | 87.10 |
| 708381734 46345684 | PKR 5001 | Kereta | 31/07/2012 | 8.05 | 92 | 53.965 | 140.31 |
| | | | | 9.38 | | 22.958 | 59.69 |
| 708381730 26437281 | PEV1746 | Bas | 29/09/2011 | 8.27 | 7 | 3.889 | 7.00 |
| | | | | 8.34 | | 136.411 | 245.54 |
| 708381737 06404122 | PEC 9408 | Jip | 27/11/2010 | 11.46 | 4 | 3.497 | 6.12 |
| | | | | 11.50 | | 50.777 | 88.86 |
| 708381730 26437281 | PEV 1746 | Bas | 25/03/2010 | 8.12 | 10 | 36.771 | 62.51 |
| | | | | 8.22 | | 165.294 | 281.00 |
| 708381730 26437281 | PEV 1746 | Bas | 25/03/2010 | 23.47 | 8 | 42.553 | 72.34 |
| | | | | 23.55 | | 137.706 | 234.10 |

Sumber: Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

- Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013, terdapat pemandu yang dikehendaki memandu lebih daripada satu kenderaan. Selain dari masalah di pam minyak yang menyebabkan pengisian minyak perlu dilakukan 2 kali, pembelian minyak dalam tempoh yang singkat juga berlaku kerana pemandu tidak menggunakan kad inden minyak yang diperuntukkan bagi kenderaan yang dibawa sebaliknya menggunakan kad inden kenderaan lain untuk mengisi minyak. Majlis telah memberi penjelasan kepada pemandu tentang prosedur penggunaan kad inden minyak (kad pemandu dan kad kenderaan) supaya tidak berlaku kekeliruan dan perkara yang dibangkitkan oleh Audit tidak berulang.**

c. Pembelian Minyak Melebihi Had Yang Ditetapkan

- i. Had nilai sehari bagi pembelian minyak ditetapkan oleh Majlis adalah berjumlah RM200 dan ketetapan ini dimaklumkan kepada syarikat pembekal minyak semasa permohonan kad inden minyak dibuat. Semakan terhadap penyata pembelian minyak dari tahun 2010 hingga 2012 mendapati berlaku pembelian minyak melebihi had yang dibenarkan antara RM203.80 dan RM400.61 seperti di **Jadual 2.10**. Bagaimanapun Majlis tidak mengambil tindakan untuk menghadkan semula nilai sehari pembelian minyak bagi kad inden tersebut.

Jadual 2.10

Butiran Pembelian Minyak Yang Melebihi Had Yang Dibenarkan

| Nombor Pendaftaran Kenderaan | Jenis Kenderaan | Nombor Kad Inden | Had Mengikut Surat Permohonan Kad Inden Minyak Kenderaan Majlis (RM) | Jumlah Yang Diisi |
|-------------------------------------|------------------------|-------------------------|---|------------------------------|
| PKE 5350 | <i>Roll On Roll</i> | 7002841321923002150 | 200 | Antara RM321.26 dan RM400.61 |
| PKF 658 | <i>Dumper Tipper</i> | 7002841321923002242 | 200 | Antara RM216.00 dan RM250.18 |
| PFC 1757 | <i>Compact Loader</i> | 7002841321923001715 | 200 | Antara RM203.80 dan RM276.70 |

Sumber: Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

- ii. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013, oleh sebab keperluan perkhidmatan di mana Majlis dikehendaki memberi perkhidmatan di luar waktu pejabat dan mengikut aduan, maka penggunaan minyak boleh melebihi had RM200 sehari. Bagaimanapun, Majlis telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua Ketua Jabatan supaya memastikan had pembelian minyak setiap kenderaan tidak melebihi RM200 sehari dipatuhi. Sekiranya terdapat keperluan minyak melebihi had, Pegawai Penyelia Kenderaan hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan.**

d. Cerakinan Penggunaan Bahan Api Tidak Dibuat

- i. Rekod cerakinan penggunaan bahan api bagi sesebuah kenderaan adalah penting kerana ia boleh digunakan sebagai petunjuk prestasi penggunaan kenderaan bagi menentukan sama ada kenderaan berada dalam keadaan baik berdasarkan jarak pergerakan kenderaan dengan penggunaan bahan api. Rekod ini hendaklah disemak setiap bulan. Semakan Audit mendapati kiraan kilometer atau perbatuan dan cerakinan penggunaan bahan api tidak dibuat oleh Majlis kerana ruangan berkenaan tidak dimasukkan di dalam format Buku Log Majlis. Dari temu bual dengan pegawai yang menyelia kenderaan Majlis, perkiraan

kemunasabahan penggunaan minyak hanya dibuat secara rawak dan tidak dapat disahkan semasa pengauditan kerana tiada rekod yang diselenggarakan bagi tujuan tersebut. Pada pandangan Audit, kaedah ini akan menyukarkan pengesanan perbelanjaan luar biasa atau ketidakseragaman yang berlaku dalam pembelian minyak.

- ii. **Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013, Majlis telah membuat penambahbaikan ke atas Buku Log dengan mewujudkan ruangan cerakinan. Majlis juga telah mengemaskinikan cerakinan penggunaan bahan api ke atas semua kenderaan Majlis bagi menentukan sama ada kenderaan berada dalam keadaan baik berdasarkan jarak pergerakan kenderaan dengan penggunaan bahan api dan disemak setiap bulan. Laporan cerakinan diserahkan kepada Pegawai Pengangkutan setiap bulan untuk dianalisis.**

2.4.2.4. Aplikasi Sistem Selenggara Kenderaan Tidak Dapat Digunakan Sepenuhnya

- a. Majlis telah membangunkan aplikasi Sistem Selenggara Kenderaan pada tahun 2010 dengan kos keseluruhan berjumlah RM119,442. Walaupun penambahbaikan telah dibuat dengan penambahan beberapa modul, sistem tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Modul Sistem Selenggara Kenderaan Tidak Dapat Digunakan Sepenuhnya

| Bil. | Modul | Sub Modul | Fungsi | Status Terkini |
|------|-------------------------------------|----------------------------|---|---|
| 1. | Pengawas | Permohonan Penyelenggaraan | Permohonan penyenggaraan kerosakan (<i>sms alert</i>) | Boleh digunakan tetapi tiada <i>sms alert</i> |
| | | | Permohonan penyenggaraan kecemasan (<i>sms alert</i>) | |
| 2. | Kenderaan Siap (<i>SMS alert</i>) | - | - | Boleh digunakan tetapi tiada <i>sms alert</i> |
| 3. | Laporan | Laporan Penyelenggaraan | Laporan Prestasi Panel | Tidak dapat digunakan |
| | | | Laporan Bulanan (<i>Chart</i>) | Boleh digunakan tetapi tiada <i>chart</i> |
| | | | Laporan Tahunan (<i>Chart</i>) | Boleh digunakan tetapi tiada <i>chart</i> |
| | | | Laporan Buku Log Bulanan (<i>Chart</i>) | Boleh digunakan tetapi tiada <i>chart</i> |
| | | | Laporan Buku Log Tahunan (<i>Chart</i>) | Boleh digunakan tetapi tiada <i>chart</i> |
| 4. | Selenggara | - | ISO Dokumen | Tidak boleh digunakan |
| 5. | Kew PA | - | Kew PA 2, Kew PA 4, Kew PA 9, Kew PA 13 & Kew PA 14 | Hanya Kew PA 4 tidak dapat digunakan |
| 6. | Digital 'DO' | - | 'DO' Digital untuk diisi oleh panel dan dimuat naik ke dalam sistem | Masih dalam proses pengujian |
| 7. | Pengurusan Bengkel | - | Maklumat penghantaran kenderaan ke panel | Masih dalam proses pengujian |
| | | | Pertanyaan status perjalanan kenderaan | Masih dalam proses pengujian |

Sumber: PUSKEB, Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

- b. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013, modul Sistem Selenggara Kenderaan dibangunkan secara khusus (*customise*). Selepas teguran Audit, Majlis telah membuat penambahbaikan dengan memastikan sistem tersebut dapat digunakan sepenuhnya sebelum 1 April 2013.

2.4.3. Penyenggaraan Kenderaan

2.4.3.1. Penyenggaraan kenderaan bertujuan bagi memastikan hayat kenderaan dapat berfungsi dengan lancar dan selamat digunakan. Majlis telah menyediakan perancangan penyenggaraan berjadual untuk semua jenis kenderaan. Semua penyenggaraan diuruskan oleh Pusat Servis Kenderaan Berat (PUSKEB) yang terletak di Mak Mandin, Seberang Perai Utara dan juga 35 panel bengkel swasta yang telah dilantik oleh Majlis. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM4.58 juta atau 93.6% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan sebanyak RM4.89 juta seperti di **Jadual 2.12** bagi maksud penyenggaraan.

Jadual 2.12
Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan Kenderaan
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

| Tahun | Peruntukan Yang Diluluskan (RM) | Perbelanjaan Penyenggaraan (RM) | Peratus (%) |
|---------------|---------------------------------|---------------------------------|-------------|
| 2010 | 1,300,000 | 1,253,551 | 96.4 |
| 2011 | 1,381,235 | 1,324,957 | 95.9 |
| 2012 | 2,210,000 | 1,998,760 | 90.4 |
| Jumlah | 4,891,235 | 4,577,268 | 93.6 |

Sumber: Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.4.3.2. Semakan Audit mendapati terdapat kenderaan di mana kos penyenggaraannya telah melebihi kos asal pembelian kenderaan. Semakan rekod penyenggaraan kenderaan yang berusia melebihi 10 tahun mendapati jumlah kos penyenggaraan sejak ia dibeli bagi 5 daripada 43 kenderaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran telah melebihi kos asal pembelian antara 109% dan 232% seperti di **Jadual 2.13**. Menurut Majlis, kenderaan berkenaan hanya akan dilupuskan setelah pembelian kenderaan baru untuk gantian diluluskan. Akibatnya kos penyenggaraan kenderaan tersebut menyumbang kepada peningkatan kos penyenggaraan kenderaan Majlis. Sementara itu, perbandingan kos penyenggaraan dengan kos asal pembelian kenderaan di Jabatan Khidmat Pengurusan dan Jabatan Direktorat Penguatkuasaan tidak dapat dibuat kerana maklumat tersebut tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan.

Jadual 2.13

Kos Penyenggaraan Berbanding Kos Asal Pembelian Kenderaan

| Kenderaan Yang Berusia Melebihi 10 Tahun | | Kenderaan Yang Mempunyai Kos Penyenggaraan Melebihi Kos Asal Pembelian Kenderaan | | | | | | |
|--|-----------|--|--------------------|---------------|------------------------|-----------------------------------|-------------------------------|--|
| Jenis | Bilangan | Bilangan | Nombor Pendaftaran | Tarikh Dibeli | Usia Kenderaan (Tahun) | Kos Asal Pembelian Kenderaan (RM) | Jumlah Kos Penyenggaraan (RM) | Perbandingan Kos Penyenggaraan Dengan Kos Asal Pembelian (%) |
| <i>Backhoe</i> | 4 | 1 | PCX 885 | 22/12/1994 | 18 | 107,000 | 116,223 | 109 |
| <i>Compact Loader</i> | 8 | 2 | PFC 1642 | 27/12/2001 | 11 | 196,000 | 213,840 | 109 |
| | | | PFC 1640 | 27/12/2001 | 11 | 196,000 | 266,851 | 136 |
| <i>Crane</i> | 7 | 1 | PEK 5913 | 19/11/1999 | 13 | 188,000 | 436,933 | 232 |
| <i>Roll On Roll</i> | 6 | 1 | PFB 9587 | 12/11/2001 | 11 | 147,000 | 169,567 | 115 |
| Lain-lain Kenderaan | 18 | | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah | 43 | 5 | | | | | | |

Sumber: Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

2.4.3.3. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013, Majlis telah menerima arahan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertarikh 17 Ogos 2007 berkenaan penswastaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di mana semua Pihak Berkuasa Tempatan diminta tidak membuat perjanjian baru dan tidak memperbaharui perjanjian melebihi satu tahun sehingga perkhidmatan tersebut diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis tidak membuat perolehan baru bagi menggantikan kenderaan yang telah melebihi usia 10 tahun serta menggunakan kenderaan sedia ada bagi memberi perkhidmatan. Di samping itu, prestasi kewangan Majlis yang mengalami defisit sebenar sejak tahun 2000 menyebabkan perolehan kenderaan baru ditangguhkan buat sementara waktu. Majlis juga menggunakan kenderaan melebihi had tempoh hayat ekonomik kerana kekurangan kenderaan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis tidak terjejas walaupun kos penyenggaraannya adalah tinggi. Pada 22 Julai 2011, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memutuskan pengecualian daripada Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam. Ekoran keputusan tersebut, Majlis mula membeli kenderaan baru secara berperingkat. Majlis juga telah mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 sebagai garis panduan untuk melupuskan kenderaan.

2.4.4. Penyimpanan Dan Keselamatan Kenderaan

Peraturan menetapkan bilangan kenderaan yang banyak hendaklah disimpan di depoh kenderaan dan disimpan selamat pada masa tidak digunakan. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis telah menyediakan beberapa lokasi penyimpanan bagi semua kenderaan. Kenderaan tidak ditempatkan di satu depoh berpusat tetapi disimpan mengikut kawasan operasi bagi

memudahkan urusan pelaksanaan aktiviti Majlis. Lawatan Audit ke 8 lokasi penyimpanan kenderaan Majlis mendapati 7 daripadanya adalah tidak memuaskan seperti berikut:

2.4.4.1. Tempat Penyimpanan Kenderaan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

- a. Menurut Majlis, tempat penyimpanan kenderaan di Pusat Khidmat Pembersihan dan Tapak Semaian Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Majlis telah digunakan lebih kurang 30 tahun. Lawatan Audit pada 27 dan 28 November 2012 mendapati tempat penyimpanan kenderaan kurang sesuai kerana lokasi penyimpanan tersebut lebih bersifat sementara, ruang penyimpanan kenderaan tidak mencukupi, laluan kenderaan sempit, kemudahan struktur tempat penyimpanan kenderaan tidak disenggarakan dengan baik, berisiko kebakaran kerana lokasi berdekatan dengan kawasan kediaman dan tidak berpagar serta mudah dicerobohi. Keadaan tempat penyimpanan adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.5**.

Gambar 2.1
Ruang Tempat Simpan Dan Laluan Kenderaan Sempit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Semaian SPT, Taman Makok
Tarikh: 28 November 2012

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Semaian SPT, Taman Makok
Tarikh: 28 November 2012

Gambar 2.2
Bumbung Tidak Disenggarakan Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Khidmat Pembersihan, Berapit, Bukit Mertajam, SPT
Tarikh: 28 November 2012

Gambar 2.3
Tempat Simpanan Kenderaan Terdedah Kepada Risiko Kebakaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Khidmat Pembersihan, Berapit, Bukit Mertajam, SPT
Tarikh: 28 November 2012

Gambar 2.4
Tempat Simpanan Kenderaan Yang Tidak Terurus Dan
Sekeliling Pagar Yang Mudah Dicerobohi Serta Berdekatan Dengan Kediaman



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pusat Khidmat Pembersihan, Berapit,
 Bukit Mertajam, SPT
 Tarikh: 28 November 2012

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pusat Khidmat Pembersihan, Berapit,
 Bukit Mertajam, SPT
 Tarikh: 28 November 2012

Gambar 2.5
Keadaan Kenderaan Yang Diletakkan Di Kawasan Tidak Berpagar



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tapak Pelupusan Ampang Jajar
 Tarikh: 28 November 2012

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tapak Pelupusan Ampang Jajar
 Tarikh: 28 November 2012

- b. Selain itu, kemudahan tempat mencuci kenderaan berlantai simen seperti yang disyaratkan dalam pekeliling tidak disediakan berdekatan dengan tempat kenderaan. Lawatan Audit pada 27 dan 28 November 2012 ke Tapak Semaian Selatan Taman Berjaya Nibong Tebal dan Pusat Khidmat Pembersihan Taman Bertam Indah Kepala Batas mendapati kawasan hadapan pejabat digunakan sebagai tempat mencuci kenderaan seperti di **Gambar 2.6** dan **Gambar 2.7**. Menurut Majlis, tempat mencuci kenderaan hanya disediakan di beberapa lokasi tertentu seperti Pusat Khidmat Pembersihan Nibong Tebal, Pusat Khidmat Pembersihan Bukit Mertajam dan Depoh Kenderaan Mak Mandin bertujuan mengawal pengaliran air kurasan daripada kenderaan yang dicuci ke longkang terbuka di kawasan sekeliling yang boleh menyebabkan pencemaran air.

Gambar 2.6
Tempat Mencuci Kenderaan
Di Hadapan Pejabat



Lantai Tidak Bersimen Menyebabkan Kawasan Tempat Cuci Kenderaan Becak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Semaian Selatan, Taman Berjaya
Nibong Tebal, SPS
Tarikh: 28 November 2012

Gambar 2.7
Tempat Mencuci Kenderaan
Di Hadapan Pejabat



Paip Air Untuk Mencuci Kenderaan


Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Khidmat Pembersihan Taman
Bertam Indah, Kepala Batas, SPU
Tarikh: 27 November 2012

- c. Kemudahan untuk mencuci kenderaan seperti pam air tekanan tinggi (*water jet pump*) juga tidak disediakan di lokasi penyimpanan kenderaan yang ditetapkan untuk pencucian. Kenderaan seperti *compact loader* dicuci dengan menggunakan paip getah seperti di **Gambar 2.8**. Penggunaan paip getah mungkin menyebabkan kualiti cucian kurang bersih jika dibandingkan dengan penggunaan pam air tekanan tinggi (*water jet pump*) yang dapat menghilangkan kekotoran yang melekat dan kesan air kurasan yang boleh merosakkan kenderaan serta menjimatkan masa pencucian. Pencucian yang tidak sempurna akan menyebabkan tangki takungan air kurasan dan bahagian dalam *compact loader* menjadi cepat berkarat dan pecah serta berlaku pencemaran bau. Keadaan ini berlaku kerana kurang pemantauan oleh Majlis terhadap keperluan kemudahan asas di lokasi pencucian kenderaan.

Gambar 2.8
Pam Air Tekanan Tinggi (*Water Jet Pump*) Tidak Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PUSKEB, Jabatan Kejuruteraan
Tarikh: 26 Disember 2012



Cucian Menggunakan Paip Getah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PUSKEB, Jabatan Kejuruteraan
Tarikh: 26 Disember 2012

2.4.4.2. Tempat Penyimpanan Kenderaan di Jabatan Direktorat Penguatkuasaan

Kawasan simpanan kenderaan Jabatan Direktorat Penguatkuasaan ditetapkan di kawasan letak kenderaan bersebelahan dengan bangunan pejabat MPSP Cawangan Seberang Perai Tengah Jalan Betek. Bagaimanapun lawatan Audit ke Jabatan Direktorat Penguatkuasaan pada 17 Disember 2012 mendapati kenderaan rasmi Majlis diletakkan bersekali dengan kenderaan orang awam dan di laluan sekitar bangunan pejabat MPSP Cawangan Seberang Perai Tengah seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.11**. Menurut Pengarah Jabatan Direktorat Penguatkuasaan, kawasan tempat letak kereta yang dikhaskan didapati kurang selamat kerana tiada pengawal keselamatan ditempatkan di pintu masuk seperti di **Gambar 2.12**.

Gambar 2.9
Kenderaan Diletakkan Bersekali Dengan Kenderaan Awam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan MPSP Jalan Betek, SPT
Tarikh: 17 Disember 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan MPSP Jalan Betek, SPT
Tarikh: 17 Disember 2012

Gambar 2.10
Kenderaan Diletakkan Di Sekitar Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan MPSP Jalan Betek, SPT
Tarikh: 17 Disember 2012

Gambar 2.11
Kenderaan Diletakkan Di Sekitar Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan MPSP Jalan Betek, SPT
Tarikh: 17 Disember 2012



Gambar 2.12
Pengawal Keselamatan Tidak
Ditempatkan Di Pintu Masuk Tempat
Letak Kenderaan Bersebelahan
Bangunan Pejabat MPSP Cawangan
Seberang Perai Tengah Jalan Betek

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bangunan MPSP Jalan Betek, SPT
 Tarikh: 17 Disember 2012

2.4.4.3. Kawalan Keselamatan

- a. Majlis menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta bagi mengawal kawasan tempat penyimpanan kenderaan Majlis. Bagaimanapun terdapat lokasi penyimpanan yang hanya dikawal oleh kakitangan Majlis seperti di **Jadual 2.14** tanpa kamera litar tertutup (*CCTV*).

Jadual 2.14
Kawalan Keselamatan Oleh Kakitangan Majlis Di Lokasi Penyimpanan Kenderaan

| Lokasi Penyimpanan Kenderaan | | Waktu Kawalan | Bilangan Kenderaan Yang Disimpan |
|--|--------------------|--|----------------------------------|
| Unit Skwad Khas Jabatan Khidmat Pengurusan | | 24 Jam 3 Giliran | 18 |
| Pusat Khidmat Pembersihan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran | P41 Kepala Batas | 12 Jam (7 Petang Hingga 7 Pagi) 1 giliran | 10 |
| | P45 Bukit Mertajam | 16 Jam (3 Petang Hingga 7 Pagi) 2 giliran | 10 |
| | P46 Batu Kawan | 16 Jam (3 Petang Hingga 7 Pagi) 2 giliran | 7 |
| | P47 Nibong Tebal | 24 Jam 3 Giliran | 11 |

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Seberang Perai

- b. Menurut Majlis, kawalan keselamatan di tempat penyimpanan kenderaan yang dijaga oleh kakitangan Majlis dilaksanakan secara giliran oleh Pekerja Am Pusat Khidmat Pembersihan. Pekerja Am yang ditugaskan untuk mengawal keselamatan adalah terdiri dari mereka yang kurang upaya kerana tidak mampu menjalankan tugas berat. Keadaan ini boleh mendatangkan risiko kepada Pekerja Am yang terlibat dan juga kepada Majlis.
- c. Selain itu, berdasarkan temu bual dengan Penolong Pengarah (Perolehan) Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis, pemantauan terhadap perkhidmatan kawalan swasta dibuat dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penyelia lokasi penyimpanan dan juga Jabatan Khidmat Pengurusan. Bagaimanapun, tiada *SOP* diwujudkan bagi pelaksanaan pemantauan ini dan tiada rekod dapat membuktikan pemantauan telah dijalankan dari semasa ke semasa.

d. Berdasarkan maklum balas Majlis bertarikh 19 Mac 2013:

- i. Majlis telah mengenal pasti dan menaik taraf depoh-depoh simpanan kenderaan sejak tahun 2012. Ini adalah disebabkan oleh surat arahan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan penswastaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
- ii. Bagi memindahkan depoh simpanan kenderaan di Pejabat Tapak Semaian Taman Makok, Majlis telah mengenal pasti kawasan baru iaitu di Taman Bandar, Ampang Jajar yang akan menggunakan peruntukan 2014 setelah Bajet 2014 diluluskan. Bagi depoh simpanan kenderaan di Pusat Khidmat Pembersihan Berapit dan Tapak Pelupusan Ampang Jajar, sebut harga bagi kerja ukur untuk cadangan menaik taraf depoh telah diluluskan. Bagi PUSKEB Jabatan Kejuruteraan pula, proses pembukaan sebut harga sedang dilaksanakan manakala aduan kerosakan telah dibuat kepada Jabatan Kejuruteraan bagi pembaikan Tapak Semaian Taman Berjaya Nibong Tebal.
- iii. Bagi tempat penyimpanan kenderaan di Jabatan Direktorat Penguatkuasaan, Majlis telah mengambil tindakan mengasingkan kawasan tempat simpanan kenderaan Majlis dengan kenderaan awam. Arahan juga telah dikeluarkan supaya kenderaan Majlis tidak diletakkan di sekitar bangunan Pejabat MPSP Jalan Betek.
- iv. Majlis juga akan menyediakan pagar, lantai bersimen, longkang untuk pengaliran air basuhan kenderaan dan pam air tekanan tinggi untuk mencuci kenderaan.
- v. Dari segi kawalan keselamatan, Majlis telah menggunakan kaedah kreatif di mana kakitangan yang terdiri daripada Pekerja Am Pusat Operasi yang tidak dapat membuat kerja-kerja berat disebabkan masalah kesihatan ditugaskan sebagai pengawal keselamatan. Dengan pelaksanaan kaedah ini, Majlis menjimatkan kos bagi melantik kawalan keselamatan swasta. Bagaimanapun, setelah teguran Audit, Majlis akan melantik Pengawal Keselamatan Swasta di semua lokasi depoh kenderaan bagi mengelakkan risiko kecurian dan keselamatan pekerja Majlis.

Pada pendapat Audit, Majlis perlu menyediakan depoh kenderaan yang lebih sesuai bagi memastikan kenderaan dapat disimpan dengan selamat. Selain itu, kawalan keselamatan perlu dipertingkatkan di semua lokasi penyimpanan kenderaan bagi mengelakkan risiko kecurian.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kenderaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (Majlis) dapat dipertingkatkan, adalah disyorkan tindakan seperti berikut:

2.5.1. Mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga bagi perolehan kenderaan.

2.5.2. Mewujudkan *Standard Operating Procedures* (SOP) bagi pemantauan serta kawalan dalaman terhadap penggunaan kenderaan yang melibatkan fungsi Pegawai Pengangkutan.

2.5.3. Mewujudkan polisi bagi perancangan pelupusan kenderaan Majlis.

2.5.4. Menyediakan depoh kenderaan yang sesuai dan selamat bagi semua kenderaan Majlis.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

3. PEMBANGUNAN BATU KAWAN PULAU PINANG

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) diwujudkan di bawah Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971 yang berperanan untuk memacu pembangunan sosio-ekonomi, menghapuskan kemiskinan, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup warga Pulau Pinang. Antara lain aktiviti utama PDC termasuklah pembangunan taman perindustrian, bandar baru, perumahan dan pengambilan balik tanah bagi maksud pembangunan.

3.1.2. PDC telah membuat pengambilan tanah pada tahun 1990 di kawasan Batu Kawan milik individu dan syarikat Batu Kawan Bhd.. Pengambilan tanah seluas 6,326.53 ekar dengan kos berjumlah RM138 juta telah dipersetujui untuk dibangunkan selama 20 hingga 25 tahun mulai tahun 1995 sebagai *Pig Farming Area (PFA)* mengikut kertas perancangan pada ketika itu. Bagaimanapun, pada tahun 2004, pindaan kepada perancangan asal telah dibuat dengan menukar Pelan Induk Batu Kawan tersebut kepada *Township* (Pembangunan Bercampur) di mana infra pembangunan diberi keutamaan bagi kesejahteraan penduduk sekitarnya.

3.1.3. Projek pembangunan Batu Kawan kini dikenali sebagai Bandar Cassia dan telah dilancarkan sebagai projek perumahan mampu milik dan juga kos sederhana rendah pada 28 Ogos 2004. Terkini, kawasan ini telah diperkemas perancangan pembangunannya sebagai sebuah pusat *Cyber Center* iaitu sebuah Pusat Kecemerlangan ICT yang menyokong pembangunan K-ekonomi Negeri Pulau Pinang mengikut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang pada tahun 2007.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi pencapaian pelaksanaan pembangunan Batu Kawan adalah menepati objektifnya dan dilaksanakan dengan teratur, sempurna dan memberi nilai faedah kepada penduduk sekitarnya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan bertumpu kepada pencapaian pelaksanaan pembangunan di Batu Kawan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak dokumen seperti Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, fail projek, Laporan Kemajuan Kerja, rekod dan mengadakan perbincangan serta temu bual dengan pegawai berkaitan.

Lawatan ke kawasan pembangunan turut dibuat bagi mendapat gambaran sebenar status pembangunan yang telah dijalankan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2012 mendapati, secara keseluruhannya pencapaian pelaksanaan pembangunan Batu Kawan adalah di tahap kurang memuaskan dan belum mencapai matlamatnya berbanding dengan perancangan yang ditetapkan. Pencapaian pembangunan Batu Kawan sejak dari tahun 1994 sehingga 2004 adalah perlahan disebabkan pihak PDC tidak mempunyai keputusan terhadap hala tuju pembangunannya pada ketika itu. Selepas Pelan Induk Batu Kawan 1994 dibatalkan, pelan baru yang berkonsepkan bandar baru telah digubal. Bahagian Hartanah PDC bertanggungjawab untuk merancang pembangunan, pengurusan tanah, pengurusan harta, pembangunan perindustrian dan memantau sepenuhnya pembangunan tersebut. Pada tahun 2005, PDC telah mula membangunkan projek pembangunan Batu Kawan *Township* yang merangkumi pembinaan perumahan dan unit-unit komersil mengikut penetapan dalam perancangan baru. Kemudian, rancangan pembangunannya ditambah baik kepada projek infrastruktur dan projek sosial pada tahun 2006. Bagaimanapun didapati:

- Pelan disediakan tanpa tempoh, kos dan jadual pelaksanaan.
- Pindahan hak milik tanah tidak dilakukan.
- Pemaju lewat menyiapkan projek perumahan.

3.4.1. Pelan Disediakan Tanpa Tempoh, Kos Dan Jadual Pelaksanaan

Pada 1 Disember 2003, PDC telah melantik Juru Perunding AJM Planning & Urban Design Group Sdn. Bhd. dengan kos sejumlah RM261,000 untuk menyediakan 1 pelan induk yang lebih komprehensif dan praktikal bersesuaian dengan visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah menyediakan persekitaran yang kondusif dan berstruktur. Pelan pembangunan tersebut kemudiannya telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah PDC pada 14 Jun 2004, Jawatankuasa Perancang Negeri pada 15 Jun 2004, Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 30 Ogos 2004 dan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 26 Oktober 2004. Mengikut pelan tersebut, pembangunan Batu Kawan akan dilaksanakan mengikut jenis pembangunan seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1**Jenis Pembangunan Di Batu Kawan Yang Telah Diluluskan**

| Bil. | Jenis Pembangunan | Cadangan Luas Mengikut Juru Perunding (ekar) |
|---------------|--|--|
| 1. | Perumahan | 1,053.50 |
| 2. | Komersial | 411.28 |
| 3. | Pembangunan Bercampur | 427.98 |
| 4. | Institusi Kerajaan | 146.20 |
| 5. | Perindustrian | 764.63 |
| 6. | Kawasan Teknologi | 91.80 |
| 7. | Universiti dan kolej | 270.92 |
| 8. | Pusat Siber | 69.70 |
| 9. | Stadium Negeri | 150.00 |
| 10. | Kelab Golf | 295.83 |
| 11. | Ekoresort/Pusat Aqua | 171.16 |
| 12. | Masjid/Sekolah | 113.58 |
| 13. | Pusat Agama | 30.49 |
| 14. | Bandar Baru | 46.56 |
| 15. | Pelancongan | 235.98 |
| 16. | Rizab Jalan | 1,296.92 |
| 17. | Sebuah Syarikat Swasta (Perumahan Bercampur) | 750.00 |
| Jumlah | | 6,326.53 |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

3.4.1.1. Sebanyak 17 cadangan pembangunan yang disediakan oleh Juru Perunding tidak disertai dengan anggaran kos dan jadual pelaksanaan secara terperinci supaya seimbang dengan keperluan Pelan Induk yang diluluskan. Menurut PDC, anggaran kos memang tidak disediakan dan tidak dipantau bagi keluasan tersebut kerana pembangunannya dijangka akan dibuat secara berperingkat mengikut permintaan pasaran.

a. Berdasarkan maklum balas PDC bertarikh 18 Januari 2013:

- i. Pembangunan setiap komponen akan melibatkan pelbagai jenis projek yang sebahagiannya akan dilaksanakan oleh PDC sendiri, sementara sebahagian lagi akan dilaksanakan oleh pemaju/pelabur lain. Oleh itu, pembangunan keseluruhan Batu Kawan akan mengambil masa yang panjang.**
- ii. Faktor perubahan kos, persekitaran ekonomi dan kadar inflasi akan mempengaruhi kos projek dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, PDC ada menyediakan kos pembangunan tanah berdasarkan kepada kos semasa yang meliputi kos pengambilan tanah, penyediaan infrastruktur utama, kerja tanah dan lain-lain kos. Kos ini amat penting bagi PDC dalam menentukan harga jualan tanah mengikut jenis komponen pembangunan.**

la juga adalah untuk memastikan PDC tidak mengalami kerugian bagi setiap transaksi jualan atau projek yang dibangunkan.

3.4.1.2. Sehingga bulan September 2012, kawasan seluas 1,155.88 ekar atau 18.3% daripada keseluruhan kawasan seluas 6,326.53 ekar telah berjaya dibangunkan dengan projek perumahan, perindustrian, stadium dan Sekolah. Pencapaian prestasi keseluruhan tanah adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Prestasi Pembangunan Tanah Dengan Keluasan Yang Tidak Dibangunkan

| Perkara | Luas (ekar) | Peratus (%) |
|--|-----------------|-------------|
| Keseluruhan Tanah | 6,326.53 | 100 |
| Jumlah Tanah Yang Dibangunkan (Projek) | 1,155.88 | 18.3 |
| Tanah Siap Ditambun | 471.39 | 7.4 |
| Tanah Sedang Ditambun | 543.00 | 8.6 |
| Baki Tanah Yang Belum Dibangunkan | 4,156.26 | 65.7 |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

3.4.1.3. Sebuah kilang iaitu Buildcast Sdn. Bhd. telah beroperasi sepenuhnya. Sementara itu 4 buah kilang masih dalam proses pembinaan dan 4 tapak kilang dalam proses perataan tanah. Bagi status projek perumahan pula sejumlah 3,212 unit rumah telah dibina. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.3** dan **Gambar 3.1** hingga **3.6**.

Jadual 3.3
Prestasi Pembangunan Di Batu Kawan

| Bil. | Projek | Keluasan (ekar) | | Catatan |
|---------------|--------------------|-----------------|-----------------|--|
| | | Perancangan | Pelaksanaan | |
| 1. | Perumahan | 1,803.50 | 234.01 | 10 projek siap 2 projek dalam proses pembinaan |
| 2. | Perindustrian | 764.63 | 333.57 | 1 kilang siap dibina dan beroperasi 4 kilang dalam proses pembinaan 4 kilang dalam proses perataan tanah |
| 3. | Stadium | 150.00 | 150.00 | Siap dibina dan boleh digunakan |
| 4. | Institusi Kerajaan | 146.20 | 26.41 | 16.30 ekar siap dibina 10.11 ekar dalam pembinaan |
| 5. | Rizab Jalan | 1,296.92 | 405.17 | 171.9 ekar siap dibina 233.27 ekar dalam pembinaan |
| 6. | Pelancongan | 235.98 | 6.72 | Siap dibina |
| Jumlah | | 4,397.23 | 1,155.88 | |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Gambar 3.1
Kawasan Cadangan Projek Perumahan
Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
 Tarikh: 17 Julai 2012

Gambar 3.2
Kawasan Cadangan Projek Ekoresort/
Pusat Aqua Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
 Tarikh: 23 Oktober 2012

Gambar 3.3
Kawasan Cadangan Projek Pembinaan
Kilang Dalam Proses Perataan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
 Tarikh: 25 Oktober 2012

Gambar 3.4
Kawasan Cadangan Projek Pembinaan
Kilang Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
 Tarikh: 25 Oktober 2012

Gambar 3.5
Kawasan Cadangan Projek Pembinaan
Rumah Mampu Milik Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
 Tarikh: 25 Oktober 2012

Gambar 3.6
Kawasan Cadangan Projek Pembinaan
Kilang Dalam Proses Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
 Tarikh: 25 Oktober 2012

3.4.2. Pindahan Hak Milik Tanah Tidak Dilakukan

PDC mula melaksanakan pengambilan tanah seluas 6,326.53 ekar daripada keluasan keseluruhan iaitu 6,717 ekar di Batu Kawan pada 11 Oktober 1990 melalui 4 Warta Kerajaan di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 bagi tujuan awam. Baki keluasan kawasan yang tidak diambil balik seluas 391 ekar adalah merupakan kawasan perkampungan sedia ada dan masih diduduki oleh penduduk yang menolak tawaran penjualan tanah. Senarai warta adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Senarai Warta Bagi Pengambilan Tanah Batu Kawan

| Nombor Warta | Tarikh Warta | Keluasan (ekar) | Tahun | |
|---------------|--------------|-----------------|---------------------|------------------|
| | | | Selesai Pengambilan | Selesai Pampasan |
| 267 | 11.01.1990 | 6,307.07 | 1992 | 1992 |
| 53 | 15.01.2004 | 1.85 | TM | TM |
| 370 | 18.11.2004 | 3.38 | TM | 2005 |
| 401 | 17.07.2008 | 17.23 | 12.02.2010 | 2010 |
| Jumlah | | 6,326.53 | | |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Nota: TM = Tiada Maklumat

3.4.2.1. Mengikut rekod, bayaran pampasan berjumlah RM138.96 juta telah dijelaskan oleh PDC kepada tuan tanah iaitu syarikat Batu Kawan Berhad dan juga orang perseorangan di kawasan tersebut. Pengambilan tanah seluas 6,326.53 ekar tanah oleh PDC selesai sepenuhnya pada tahun 2010. Bagaimanapun status hak milik tanah tersebut masih disandarkan atas nama Kerajaan Negeri walaupun PDC adalah pemiliknya. Menurut PDC, persefahaman antara PDC dan Kerajaan Negeri tanpa sebarang dokumen bertulis ini wujud sejak PDC ditubuhkan sehingga sekarang.

3.4.2.2. Semakan seterusnya mendapati, PDC selama ini memohon hak milik Pajak Negeri iaitu selama 99 tahun bagi perumahan dan 60 tahun bagi perindustrian. Permohonan tersebut dibuat secara berperingkat berdasarkan permintaan pelaksanaan projek dari semasa ke semasa bagi mengelakkan tempoh pajakan berkurang dan dijangka boleh memberi pulangan keuntungan kepada PDC.

a. Berdasarkan maklum balas PDC bertarikh 18 Januari 2013:

- i. **Projek-projek PDC boleh dilaksanakan tanpa memperoleh hak milik tanah. Sebaliknya, proses pembangunan PDC tanpa hak milik ini adalah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek di samping dapat mengelakkan pengurangan tempoh pajakan yang boleh menyebabkan nilai hartanah menjadi rendah.**
- ii. **PDC akan memohon hak milik bagi seluruh tanah yang akan dibangunkan di Batu Kawan secara berperingkat-peringkat mengikut kegunaan. PDC pernah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk**

pemindahan hak milik tanah Batu Kawan kepada PDC dan perkara tersebut masih dalam proses pelaksanaan.

Pada pendapat Audit, hak milik tanah tersebut perlu ditukarkan kepada PDC bagi menjaga kepentingan PDC serta meningkatkan daya saing PDC dengan pemaju swasta.

3.4.3. Pemaju Lewat Menyiapkan Projek Perumahan

Pembangunan Batu Kawan akan dilaksanakan sama ada oleh PDC atau melalui anak syarikat PDC. Walau bagaimanapun bagi projek pemangkin seperti *golf resort*, *premium outlet* dan hospital pakar, PDC akan menjual atau memajak tanah kepada syarikat swasta untuk melaksanakannya.

3.4.3.1. Mengikut perjanjian antara PDC dan syarikat swasta (Abad Naluri), adalah menjadi tanggungjawab syarikat tersebut membina rumah sebanyak 3,892 unit bagi tempoh 7 tahun setelah urusan jual beli tanah ditandatangani pada 16 Januari 2004. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, hanya 1,044 unit yang telah dapat dibangunkan dan bakinya 2,848 unit masih belum dibangunkan seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**. Menurut PDC keadaan ini berlaku disebabkan perkara berikut:

- a.** Syarikat tersebut menghadapi masalah dalaman di mana berlaku penstrukturan ekuiti syarikat. Proses ini telah menyebabkan kelancaran pelaksanaan projek-projek yang dirancang terganggu.
- b.** PDC lewat menyerahkan tapak kepada syarikat swasta berikutan kelewatan kontraktor PDC menyiapkan kerja-kerja menambun tanah yang berpunca dari krisis kenaikan harga diesel dan masalah sumber tanah merah yang terhad.
- c.** Sebahagian kawasan iaitu Parcel 2B dengan keluasan 126 ekar yang telah dijual kepada syarikat swasta tidak dapat dibangunkan akibat daripada masalah pekerja ladang yang masih menetap di atas tanah tersebut belum dapat dipindahkan.

Gambar 3.7
Kawasan Cadangan Projek Pembinaan Perumahan Yang Belum
Dibangunkan Oleh Syarikat Swasta Sehingga Kini



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 25 Oktober 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 25 Oktober 2012

Gambar 3.8
Kuarters Yang Masih Berpenghuni



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 25 Oktober 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 25 Oktober 2012

3.4.3.2. Begitu juga dengan projek perumahan Taman Crescentia yang telah dibangunkan oleh Syarikat Abad Naluri bermula pada September 2005 dan sepatutnya siap pada Jun 2009 mengikut perjanjian, tetapi projek tersebut hanya dapat disiapkan pada November 2011 dengan kelewatan melebihi 2 tahun. Semakan mendapati, syarikat swasta tersebut tidak mematuhi syarat perjanjian jual beli yang ditandatangani pada 16 Januari 2004 iaitu gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan dan satu notis penamatan kontrak bertarikh 14 April 2009 telah dikeluarkan oleh PDC kepada syarikat tersebut. Bagaimanapun, syarikat tersebut telah mempertikaikan notis dan masih mengekalkan haknya sebagai pembeli. Sehingga tarikh pengauditan, tiada sebarang tindakan oleh kedua-dua pihak antara PDC dan syarikat swasta tersebut dilakukan. Oleh itu, kelewatan menyiapkan projek mengikut jadual juga telah menyumbang kepada prestasi pembangunan keseluruhan Batu Kawan.

a. **Berdasarkan maklum balas PDC bertarikh 18 Januari 2013:**

- i. **Tindakan penamatan yang terlibat tidak diteruskan kerana di atas tapak tersebut telah terdapat bangunan rumah kos rendah dalam peringkat pembinaan dan sebahagiannya telah pun dijual.**
- ii. **Projek ini akan menjadi liabiliti PDC sekiranya tanah tersebut dirampas dan adalah menjadi tanggungjawab PDC untuk meneruskan pembinaan projek tersebut yang mungkin memerlukan kos tambahan untuk pembaikan dan pembinaan projek.**

3.4.3.3. Pelan Induk Pembangunan Batu Kawan yang diluluskan oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) menetapkan sejumlah 30,250 unit kediaman akan dibina di Batu Kawan. Sejumlah 9,100 (30%) unit rumah kos rendah (RM42,000 seunit) dan 4,700 (15.5%) unit rumah kos sederhana rendah (RM43,000 hingga RM70,000) perlu dibina. Keputusan ini dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Batu Kawan Bilangan 1 Tahun 2008 pada 15 April 2008. Bagaimanapun, setakat bulan September 2012, sebanyak 12 projek perumahan telah dapat dibina di Batu Kawan yang merangkumi kawasan seluas 234.01 ekar. Sejumlah 3,212 unit iaitu 10.6% daripada 30,250 unit yang dicadangkan oleh PDC telah dibina seperti di **Jadual 3.5** dan **Gambar 3.9** hingga **Gambar 3.14** menunjukkan antara projek perumahan yang telah dibangunkan di Batu Kawan.

Jadual 3.5
Projek Perumahan Di Batu Kawan Sehingga
Bulan September 2012

| Bil. | Skim Perumahan | Bilangan Rumah (Unit) |
|---------------|--------------------------|------------------------------|
| 1. | Kos Rendah | 725 |
| 2. | Kos Sederhana Rendah | 670 |
| 3. | Kos Sederhana | 824 |
| 4. | Kos Tinggi | 895 |
| 5. | Penempatan Semula(Tanah) | 78 |
| 6. | Rumah Kedai | 20 |
| Jumlah | | 3,212 |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Gambar 3.9
Projek Perumahan Dedaun



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh : 17 Julai 2012

Gambar 3.10
Projek Perumahan Halaman Seroja



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh : 17 Julai 2012

Gambar 3.11
Projek Perumahan Villa Tanjung Permai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 17 Julai 2012

Gambar 3.12
Projek Perumahan Teratai Idaman



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 17 Julai 2012

Gambar 3.13
Projek Perumahan Taman Intan Cempaka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 17 Julai 2012

Gambar 3.14
Projek Perumahan Taman Crescentia



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Batu Kawan, Seberang Perai Selatan
Tarikh: 17 Julai 2012

3.4.3.4. Sungguhpun demikian, selepas pelan induk diluluskan pada tahun 2004, hanya 10.1% iaitu 1,395 unit rumah sahaja bagi kategori rumah kos rendah dan sederhana rendah yang dapat dibina bagi memenuhi syarat kelulusan MPFN seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Perbandingan Jumlah Rumah Yang Dirancang Dan Dilaksana

| Jenis Rumah | Kelulusan MPFN (Unit) | Status Sehingga Bulan September 2012 (Unit) | Peratus (%) |
|----------------------|-----------------------|---|-------------|
| Kos Rendah | 9,100 | 725 | 8 |
| Kos Sederhana Rendah | 4,700 | 670 | 14.3 |
| Jumlah | 13,800 | 1,395 | |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

- a. **Berdasarkan maklum balas PDC bertarikh 18 Januari 2013, PDC menjelaskan sasaran pembinaan rumah mampu milik yang ditetapkan dalam pelan induk yang diluluskan oleh MPFN adalah untuk keseluruhan pembangunan Batu Kawan. Pada peringkat awal pembangunan, penyediaan rumah mampu milik selari dengan pembinaan projek perumahan jenis lain bertujuan untuk mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung oleh PDC kerana perumahan mampu milik melibatkan subsidi yang besar.**

Pada pendapat Audit, pemantauan yang berterusan oleh PDC amat diperlukan bagi mengurangkan kelewatan pembangunan dan prestasi pembangunan syarikat swasta untuk menyiapkan pembinaan mengikut perjanjian.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pencapaian Pembangunan Batu Kawan mencapai objektifnya, adalah disyorkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengambil tindakan berikut:

- 3.5.1.** Memastikan penyelarasan dasar pembangunan wujud di antara PDC dan Kerajaan Negeri.
- 3.5.2.** Mempertingkatkan pemantauan dan tindakan susulan terhadap pelaksanaan setiap projek.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

4. PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai PDC Technical Services Sdn. Bhd.) adalah sebuah anak syarikat milik penuh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd.. PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (Syarikat) diperbadankan pada 15 Januari 1995. Pada mulanya syarikat ini adalah sebuah syarikat yang “*dormant*”, tetapi diaktifkan semula pada tahun 2005 melalui usaha sama dengan MESB Bhd. dan telah ditandatangani dengan pegangan saham sebanyak 60% oleh PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. dan 40% oleh MESB Bhd..

4.1.2. Syarikat mula beroperasi pada 13 Jun 2005 dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar RM1.5 juta. Syarikat juga telah mendapat Lesen Individu Pemberi Kemudahan Rangkaian oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM). Aktiviti utama Syarikat adalah untuk menggerakkan usaha untuk membina dan menyiapkan menara dan struktur telekomunikasi secara guna sama di seluruh negeri Pulau Pinang. Syarikat juga berperanan sebagai badan perantaraan antara syarikat telekomunikasi dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensi lain.

4.1.3. Visi Syarikat adalah untuk menjadi pembekal kemudahan rangkaian telekomunikasi yang terbaik di negeri Pulau Pinang. Misinya pula adalah untuk mempelbagaikan kemudahan rangkaian ICT dan meningkatkan produktiviti serta keuntungan pada kadar kos yang minimum, kualiti yang tinggi dan kepuasan terbaik kepada pelanggan.

4.1.4. Syarikat dianggotai oleh 8 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh seorang Ahli Parlimen. Anggota pengurusan Syarikatnya diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 14 orang kakitangan Syarikat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai prestasi kewangan Syarikat, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan adalah teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat. Semakan dilakukan dengan meneliti memorandum penubuhan, profil syarikat, peraturan kewangan, minit mesyuarat dan rekod berkaitan dengan pengurusan Syarikat bagi tahun 2010 hingga tahun 2012. Manakala

analisis Penyata Kewangan meliputi tahun 2009 hingga 2011. Selain itu perbincangan dengan pegawai terlibat dan lawatan fizikal terpilih turut dijalankan bagi melihat keberkesanan aktiviti pembinaan dan penyenggaraan menara telekomunikasi.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan mulai bulan September 2012 hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan adalah baik manakala pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat, pengurusan kewangan dan aset adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Aspek keselamatan dan kebersihan kawasan tapak menara bagi 3 lokasi daripada 7 lokasi yang dilawati adalah tidak memuaskan.
- Dua daripada 7 lokasi pembinaan menara telekomunikasi tidak mematuhi jarak minimum dari bangunan/kediaman terdekat.
- Syarikat menanggung kerugian berjumlah RM363,000 kerana pemasangan *Portable Base Transceiver Station* (PBTS) tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan dan gagal beroperasi.
- Tunggakan bayaran sewaan menara telekomunikasi daripada *celcos* berjumlah RM3.06 juta tidak dapat dikutip.
- Peranan Ketua Pegawai Eksekutif diambil alih dan dilaksanakan oleh Pengerusi dan 2 orang ahli Lembaga Pengarah kerana jawatan tersebut tidak diisi melebihi setahun.
- Peraturan pengurusan aset dari aspek pelabelan aset, pendaftaran dan penyelenggaraan buku log kenderaan tidak dipatuhi.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend


- a. Semakan mendapati kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung bersih syarikat telah meningkat pada setiap tahun seperti di **Jadual 4.1**. Trend keuntungan sebelum cukai dan trend pendapatan/perbelanjaan syarikat adalah seperti di **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

| Butiran | Tahun | | |
|------------------------------------|------------------|------------------|-------------------|
| | 2009 (RM) | 2010 (RM) | 2011 (RM) |
| Pendapatan | 4,819,164 | 6,570,642 | 8,551,134 |
| Perbelanjaan Operasi | 1,615,449 | 1,550,381 | 1,554,214 |
| Untung Kasar | 3,203,715 | 5,020,261 | 6,996,920 |
| Pendapatan Lain | 50,518 | 73,039 | 135,850 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | 697,924 | 725,434 | 993,866 |
| Perbelanjaan Kewangan | 177,073 | 109,627 | 33,108 |
| Perbelanjaan Lain | - | 4,559 | 1,006,603 |
| Untung/(Rugi) Sebelum Cukai | 2,379,236 | 4,253,680 | 5,099,193 |
| Cukai | -1,300,422 | -1,614,790 | -614,831 |
| Untung/(Rugi) Bersih | 1,078,814 | 2,638,890 | 4,484,362 |
| Keuntungan Terkumpul | 4,737,255 | 7,376,145 | 11,860,507 |


Sumber: Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

Carta 4.1
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun
Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

Carta 4.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

b. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

- i. Pada tahun 2011, Syarikat mencatatkan keuntungan bersih sebelum cukai berjumlah RM4.48 juta berbanding RM2.64 juta pada tahun 2010 dan RM1.08 juta pada tahun 2009. Manakala jumlah pendapatan Syarikat pula telah meningkat daripada RM4.82 juta pada tahun 2009 kepada RM6.57 juta pada tahun 2010 dan RM8.55 juta pada tahun 2011. Peningkatan untung bersih Syarikat adalah daripada hasil pendapatan dan sewaan menara telekomunikasi serta yuran telekomunikasi.
- ii. Perbelanjaan utama Syarikat adalah terdiri daripada perbelanjaan operasi berjumlah RM1.62 juta pada tahun 2009 dan RM1.55 juta pada tahun 2010 dan

2011. Bagi perbelanjaan lain seperti di **Jadual 4.2** terdiri daripada perbelanjaan pentadbiran, kewangan dan lain-lain. Analisis Audit mendapati peningkatan perbelanjaan pentadbiran pada tahun 2011 adalah disebabkan perbelanjaan sewa tempat letak kereta berjumlah RM28,800, sewa pejabat RM73,700, pembaikan dan naik taraf pejabat RM102,425 serta perbelanjaan perjalanan berjumlah RM26,440.

Jadual 4.2
Butiran Terperinci Perbelanjaan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

| Jenis Perbelanjaan | Tahun | | |
|--------------------|--------------|--------------|--------------|
| | 2009 (RM) | 2010 (RM) | 2011 (RM) |
| Pentadbiran | 697,924 | 725,434 | 993,866 |
| Kewangan | 177,073 | 109,627 | 33,108 |
| Lain-lain | - | 4,559 | 1,006,603 |

Sumber : Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

- iii. Manakala peningkatan lain-lain perbelanjaan daripada RM4,559 pada tahun 2010 kepada RM1 juta pada tahun 2011 adalah kerana sumbangan kepada Kerajaan Negeri bagi membiayai aktiviti ICT.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat adalah kukuh dan stabil di mana pendapatan dan keuntungan Syarikat menunjukkan trend positif iaitu meningkat pada setiap tahun.

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat dengan lebih jelas analisis nisbah kewangan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 4.3** dilaporkan.

Jadual 4.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

| Butiran | Tahun | | |
|-----------------------------|--------|--------|--------|
| | 2009 | 2010 | 2011 |
| Nisbah Semasa | 2.46:1 | 4.12:1 | 4.39:1 |
| Margin Keuntungan | 73.1% | 83.5% | 71.5% |
| Nisbah Pulangan Atas Aset | 0.19:1 | 0.28:1 | 0.29:1 |
| Nisbah Pulangan Atas Ekuiti | 0.38:1 | 0.48:1 | 0.38:1 |

Sumber: Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang jangka pendek. Semakin tinggi nisbah ini, semakin tinggi tahap kecairan kewangan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar nisbah semasa Syarikat bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah antara 2.46:1 dan 4.39:1. Nisbah pada tahun 2011 meningkat dari tahun 2009 dan 2010 kerana peningkatan aset semasa iaitu

pertambahan simpanan tetap kepada RM5.07 juta pada tahun 2011. Butiran nisbah semasa adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Nisbah Semasa Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

| Tahun | Aset Semasa (RM) (a) | Tanggung Semasa (RM) (b) | Nisbah Semasa (a/b) |
|-------|----------------------|--------------------------|---------------------|
| 2009 | 4,232,789 | 1,718,829 | 2.46:1 |
| 2010 | 6,616,921 | 1,606,615 | 4.12:1 |
| 2011 | 8,802,543 | 2,000,994 | 4.39:1 |

Sumber: Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih bagi setiap ringgit hasil yang dikutip. Peningkatan margin keuntungan menunjukkan peningkatan kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil memberi nilai tambah (*value-added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah keuntungan Syarikat adalah antara 73.1% pada tahun 2009, 83.5% pada tahun 2010 dan 71.5% pada tahun 2011. Peratusan margin keuntungan adalah baik kerana Syarikat mempunyai monopoli membina menara telekomunikasi di Pulau Pinang. Analisis margin keuntungan adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Margin Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

| Tahun | Keuntungan Sebelum Cukai (RM) (a) | Jumlah Pendapatan (RM) (b) | Nisbah Keuntungan (a/b) % |
|-------|-----------------------------------|----------------------------|---------------------------|
| 2009 | 2,379,236 | 3,254,233 | 73.1 |
| 2010 | 4,253,680 | 5,093,300 | 83.5 |
| 2011 | 5,099,193 | 7,132,770 | 71.5 |

Sumber: Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan sebelum cukai yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2009 hingga 2011, kadar pulangan atas aset yang diperoleh adalah pada nisbah 0.19:1 pada tahun 2009 telah meningkat kepada nisbah 0.29:1 pada tahun 2011. Ini menunjukkan pulangan atas aset adalah baik. Analisis Pulangan Aset adalah seperti di **Jadual 4.6**.

Jadual 4.6
Nisbah Pulangan Atas Aset Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

| Tahun | Keuntungan Sebelum Cukai (RM) (a) | Jumlah Aset (RM) (b) | Pulangan Atas Aset (a/b) |
|-------|-----------------------------------|----------------------|--------------------------|
| 2009 | 2,379,236 | 12,032,207 | 0.19:1 |
| 2010 | 4,253,680 | 15,061,696 | 0.28:1 |
| 2011 | 5,099,193 | 17,018,052 | 0.29:1 |

Sumber: Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

d. Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan untuk mengukur pulangan modal syarikat yang dilaburkan oleh pemegang saham. Semakin tinggi kadar peratusan yang diperoleh semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis mendapati kadar pulangan atas ekuiti pada tahun 2010 telah meningkat kepada 0.48:1 berbanding dengan 0.38:1 pada tahun 2009 seperti di **Jadual 4.7**. Peningkatan terhadap pulangan atas ekuiti pada setiap tahun disebabkan peningkatan keuntungan sebelum cukai yang diperoleh oleh Syarikat.

Jadual 4.7
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

| Tahun | Keuntungan Sebelum Cukai (RM) (a) | Jumlah Ekuiti (RM) (b) | Pulangan Atas Ekuiti (a/b) |
|-------|-----------------------------------|------------------------|----------------------------|
| 2009 | 2,379,236 | 6,237,255 | 0.38:1 |
| 2010 | 4,253,680 | 8,876,145 | 0.48:1 |
| 2011 | 5,099,193 | 13,360,507 | 0.38:1 |

Sumber: Penyata Kewangan PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Syarikat adalah kukuh berdasarkan kedudukan nisbah semasa dan margin keuntungan, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Syarikat telah menjalankan aktiviti perniagaannya melalui pembinaan menara telekomunikasi bertujuan untuk memberi perkhidmatan telekomunikasi kepada penduduk Pulau Pinang. Aktiviti utama Syarikat adalah mereka bentuk, membina, memasang dan mengoperasi menara yang disewakan kepada *celcos* (*celcos* adalah operator rangkaian komunikasi seperti Maxis, Digi, Celcom, Sapura dan *Packet One Network*). Aktiviti ini merangkumi penstrukturan menara tetap, sementara dan menara atas bumbung. Pengauditan yang dijalankan terhadap pelaksanaan aktiviti Syarikat mendapati:

4.4.2.1. Struktur Tetap Menara Telekomunikasi

Syarikat membina 2 jenis menara telekomunikasi iaitu menara konvensional (*3-legged* dan *4-legged*) dan *aesthetic* (*mono-pole* dan *lamp-pole*). Menara dibina apabila wujud permintaan daripada *celcos* di negeri Pulau Pinang. Kelulusan akan diperoleh daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Bomba, Tenaga Nasional Berhad dan Pihak Berkuasa Tempatan sebelum memulakan sesuatu pembinaan menara telekomunikasi melalui kontraktor yang dilantik. Namun pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

a. Keselamatan Dan Kebersihan Kawasan Tapak Menara

- i. Berdasarkan perenggan 5(1)(d) Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi, pemeriksaan berjadual hendaklah dilaksanakan bagi mengekalkan tahap keselamatan, kebersihan dan mengelak pencerobohan di kawasan menara. Syarikat perlu mengadakan pemeriksaan berjadual meliputi lawatan tapak dan menyediakan laporan pemantauan. Lawatan Audit ke 7 tapak menara telekomunikasi yang berstruktur tetap mendapati 4 daripadanya adalah tidak memuaskan di mana didapati kawasan dipenuhi semak samun, pagar rosak dan ada kesan pencerobohan serta kecurian. Lokasi berkaitan adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

Gambar 4.1
2 Unit Penghawa Dingin Dicuri Dan
Ada Kesan Pencerobohan



Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: Universiti Teknologi Mara, Permatang Pauh
Tarikh: 11 Oktober 2012

Gambar 4.2
Keadaan Pagar Rosak Dan Kesan
Pencerobohan



Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: Kampung Seronok, Bayan Lepas
Tarikh: 09 Oktober 2012

Gambar 4.3
Keadaan Tapak Menara Telekomunikasi
Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: Majestic Heights, Paya Terubong
Tarikh: 25 Oktober 2012

Gambar 4.4
Keadaan Tapak Menara Telekomunikasi
Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: Taman Ara Indah, Permatang Pasir
Tarikh: 12 Disember 2012

- ii. **Menurut maklum balas Syarikat bertarikh 01 Februari 2013, Syarikat telah bersetuju dengan pendapat Audit dan tindakan telah diambil untuk mewujudkan satu pasukan khas memantau serta mengawal selia tapak menara telekomunikasi dengan segera.**

Pada pendapat Audit, keadaan ini boleh ditambah baik sekiranya ketetapan dinyatakan dalam SOP penambahbaikan dari aspek kekerapan pemantauan, penyeliaan dan pelaporannya.

b. Syarat Pembinaan Menara Tidak Mematuhi Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia

Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi ada menjelaskan bahawa pembinaan menara telekomunikasi di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan harus mempunyai jarak minimum tepi menara dan tepi bangunan berukuran antara 5 dan 20 meter *nearest existing building* seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Jarak Minimum Menara Telekomunikasi

| Jenis Bangunan | Jarak Minimum Tepi Menara Dan Tepi Bangunan | |
|----------------|---|--------------------------------------|
| | Ketinggian Menara Bawah Daripada 45 Meter | Ketinggian Menara 45 Meter Dan Lebih |
| Kediaman | 20 meter | 30 meter |
| Komersial | 10 meter | 15 meter |
| Industri | 5 meter | 10 meter |

Sumber: PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

- i. Namun, 2 daripada 7 kawasan yang dilawati tidak menepati jarak minimum tersebut seperti di **Jadual 4.9**. Sebagai contohnya di Kampung Seronok, semakan mendapati kelulusan SKMM telah diperolehi semasa permohonan pembinaan menara tersebut. Pada ketika permohonan dibuat syarat minimum telah dipatuhi dan kawasan sekitarnya belum ada pembinaan rumah-rumah lot.

Namun, pada masa lawatan Audit dilakukan kawasan ini telah dipenuhi dengan rumah-rumah lot tanpa kelulusan PBT. Pembinaan rumah berdekatan dengan menara tidak dimaklumkan kepada PBT selepas menara telekomunikasi dibina seperti di **Gambar 4.5**.

- ii. Pembinaan menara telekomunikasi sepatutnya mengikut jarak minimum dari bangunan/kediaman agar penduduk setempat tidak terdedah kepada radiasi dari operasi menara telekomunikasi. Semakan mendapati, pembinaan menara telekomunikasi di Taman Ara Indah telah mendapat kelulusan SKMM walaupun lokasinya berdekatan dengan kediaman berdasarkan tahap radiasi di tapak menara telekomunikasi yang masih selamat mengikut piawaian *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection* (ICNIRP) seperti di **Gambar 4.6**.

Jadual 4.9
Jarak Minimum Menara Telekomunikasi Yang Tidak Dipatuhi

| Lokasi Menara | Jenis Menara | Jenis Bangunan | Ketinggian Menara (Meter) | Jarak Minimum (Meter) | Jarak Sebenar (Meter) | Perbezaan (Meter) |
|-----------------|------------------|----------------|---------------------------|-----------------------|-----------------------|-------------------|
| Kampung Seronok | <i>Lamp-Pole</i> | Kediaman | 24 | 20 | 12.2 | 7.8 |
| Taman Ara Indah | <i>3-Legged</i> | Kediaman | 60 | 30 | 16.70 | 13.3 |

Sumber: PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

Gambar 4.5
Jarak Menara Berdekatan Dengan Rumah Kediaman



Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: Kampung Seronok, Bayan Lepas
Tarikh: 10 Oktober 2012

Gambar 4.6
Jarak Menara Berdekatan Dengan Rumah Kediaman



Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: Taman Ara Indah, Permatang Pasir
Tarikh: 12 Disember 2012

- iii. **Menurut maklum balas Syarikat bertarikh 01 Februari 2013, Laporan penyiasatan SKMM dan Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) pada tahun 2011 mendapati tahap radiasi kesemua tapak menara telekomunikasi milik Syarikat adalah di ruang selamat mengikut piawaian *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection* (ICNIRP).**

Pada pendapat Audit, keselamatan penduduk perlu diberi keutamaan daripada kemungkinan menara telekomunikasi tersebut tumbang di kawasan kediaman.

4.4.2.2. Struktur Sementara Menara Telekomunikasi (PBTS-Portable Base Transceiver Station)

PBTS adalah struktur *mono-pole* kecil berstatus sementara yang dipasang di tapak tertentu milik Kerajaan dan tapak milikan agensi Kerajaan Negeri. PBTS juga boleh diubah alih bertujuan untuk memenuhi liputan *network* secara holistik di negeri Pulau Pinang. Namun demikian, pemeriksaan Audit mendapati:

a. Pembinaan Menara Telekomunikasi PBTS Tanpa Kelulusan

Sebelum sesuatu pembinaan diluluskan agensi-agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK), Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI), Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam, Tenaga Nasional Berhad serta Jabatan Pengairan Dan Saliran perlu memberi sokongan terhadap tapak pembinaan tersebut dan kemudiannya kelulusan pembinaan diperoleh daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

- i. Sungguhpun demikian, 5 daripada 13 sampel yang dipilih mendapati Syarikat telah membina menara telekomunikasi serentak dengan permohonan kepada agensi-agensi yang terlibat. Kos bagi membina menara tersebut adalah berjumlah RM363,000. Oleh kerana pembinaan menara belum mendapat kelulusan, arahan untuk menamatkan operasinya dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kesannya menara tersebut tidak dapat beroperasi sedangkan kos pembinaan telah ditanggung oleh Syarikat seperti di **Jadual 4.10**. Lokasi menara PBTS yang berkaitan adalah seperti di **Gambar 4.7** hingga **Gambar 4.9**.

Jadual 4.10
Kos Pembinaan Portable Base Transceiver Station (PBTS)

| Nama Lokasi PBTS | Kos Pembinaan Yang Ditanggung (RM) | Tarikh Pembinaan | Tarikh Tamat Operasi |
|-------------------|------------------------------------|------------------|----------------------|
| Changkat Minden | 75,000 | 01.12.2010 | 22.01.2011 |
| Desa Ria | 75,000 | 17.11.2010 | 26.04.2011 |
| Island Park | 63,000 | 17.11.2010 | 08.03.2011 |
| Jalan Cantoment | 75,000 | 17.11.2010 | 08.03.2011 |
| JPS Sungai Pinang | 75,000 | 02.12.2010 | 05.04.2011 |
| Jumlah | 363,000 | | |

Sumber: PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

Gambar 4.7
Keadaan Tapak Menara Telekomunikasi
Yang Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: Changkat Minden, Gelugor
Tarikh: 10 Oktober 2012

Gambar 4.8
Keadaan Tapak Menara Telekomunikasi
Yang Tidak Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: Desa Ria, Sungai Ara
Tarikh: 10 Oktober 2012



Gambar 4.9
Keadaan Tapak Menara Telekomunikasi
Yang Tidak Beroperasi

Sumber: Jabatan Audit Negara Pulau Pinang
Lokasi: JPS Sungai Pinang
Tarikh: 25 Oktober 2012

- ii. **Menurut maklum balas Syarikat bertarikh 01 Februari 2013, Syarikat bersetuju dan sedang menyediakan dokumentasi lengkap sebagai persediaan membuat permohonan semula kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan tarikh siap yang disasarkan adalah pada bulan Ogos 2013.**

b. Tunggakan Sewa Menara Telekomunikasi Daripada Celcos Berjumlah RM3.06 Juta

Mengikut perjanjian, *celcos* perlu membayar sewa menara kepada Syarikat pada setiap bulan mengikut kadar ditetapkan. Sekiranya *celcos* tidak menjelaskan sewa dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan menamatkan perkhidmatan *celcos* akan diambil. Surat peringatan akan dihantar apabila Syarikat mendapati sewa bulanan tidak dijelaskan. Bagaimanapun, didapati surat peringatan tidak pernah dihantar bagi tahun 2010 hingga 2011 kecuali hanya sekali dihantar pada tahun 2012 kepada Digi Telecommunications Sdn. Bhd., Packet One Networks (M) Sdn. Bhd. dan YTL Communications Sdn. Bhd.. Pihak Audit dimaklumkan oleh Syarikat keadaan ini berlaku kerana Syarikat berkeyakinan *celcos* akan membayar semua tunggakan hutang kerana terikat dengan perjanjian yang telah ditandatangani. Jumlah tunggakan sewa adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11**Jumlah Tunggakan Sewaan Menara Telekomunikasi Daripada Celcos**

| Tahun | Nama Celcos | Tempoh Tertunggak (Bulan) | Jumlah Belum Dibayar (RM) | Jumlah (RM) |
|------------------------------|--------------------------------------|---------------------------|---------------------------|------------------|
| 2010 | Digi Telecommunications Sdn. Bhd. | 8 | 75,617 | 249,049 |
| | Maxis Broadband Sdn. Bhd. | 1 | 56,200 | |
| | Packet One Networks (M) Sdn. Bhd. | 1 | 17,232 | |
| | Telekom Malaysia Berhad | 1 | 100,000 | |
| 2011 | Celcom (M) Berhad | 2 | 58,608 | 371,881 |
| | Digi Telecommunications Sdn. Bhd. | 1 | 88,314 | |
| | Maxis Broadband Sdn. Bhd. | 6 | 78,313 | |
| | YTL Communications Sdn. Bhd. | 1 | 146,646 | |
| 2012 | Celcom (M) Berhad | 11 | 181,439 | 2,440,104 |
| | Digi Telecommunications Sdn. Bhd. | 2 | 593,150 | |
| | Maxis Broadband Sdn. Bhd. | 7 | 41,778 | |
| | Packet One Networks (M) Sdn. Bhd. | 3 | 248,655 | |
| | Redtone Telecommunications Sdn. Bhd. | 1 | 109,122 | |
| | TTDot. Com Sdn. Bhd. | 2 | 20,000 | |
| | Telekom Malaysia Berhad | 2 | 82,500 | |
| YTL Communications Sdn. Bhd. | 11 | 1,163,460 | | |
| Jumlah Keseluruhan | | | | 3,061,034 |

Sumber: PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

- i. **Menurut maklum balas Syarikat bertarikh 01 Februari 2013, Syarikat telah mengambil tindakan mengutip semula tunggakan tersebut pada bulan Januari 2013 dan sejumlah RM2.79 juta atau 91% telah berjaya dipungut serta tindakan susulan sedang diambil bagi mendapatkan lagi baki tunggakan sejumlah RM274,402.**

Pada pendapat Audit, Syarikat perlu mengambil tindakan dengan segera bagi memastikan *celcos* membayar sewa tepat pada masanya dan mengambil tindakan mengikut perjanjian.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Akta Syarikat 1965 dan Memorandum Dan Tataurusan Syarikat (*Memorandum And Articles Of Association*) menghendaki jawatan Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Syarikat perlu dilantik bagi menjalankan tugas tadbir urus korporat seperti berikut:

4.4.3.1. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

- a. Syarikat dianggotai oleh 8 orang Ahli Lembaga Pengarah di mana 3 dari kalangan pegawai Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, 3 daripada wakil syarikat MESB Bhd. dan 2 Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN)/Ahli Parlimen. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 sebanyak 13 kali mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah diadakan dan sebanyak 49 kali Jawatankuasa Mesyuarat Pengurusan/Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif diadakan. Namun begitu, tidak semua keputusan yang dibuat oleh

Jawatankuasa Eksekutif telah dimaklumkan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah. Antara keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif dan tidak dirujuk kepada Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti penamatan pegawai/kakitangan Syarikat dan pelantikan syarikat *outsourc*e bagi menguruskan hal-hal kewangan manakala program lawatan ke luar negara tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan Mesyuarat Lembaga Pengarah mengikut rekod yang diserahkan untuk pengauditan. Sementara itu, pelantikan Juru Perunding Projek *Next Generation Network* (NGN) yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif pada 30 Mac 2012 hanya dimaklumkan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 12 Disember 2012 iaitu dengan kelewatan 8 bulan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 4.12**.

Jadual 4.12

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Tidak Dirujuk Kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah

| Perkara | Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif | Mesyuarat Lembaga Pengarah |
|--|----------------------------------|---------------------------------|
| Penamatan Pegawai/kakitangan Syarikat | Bil.37/2012 Bertarikh 2.11.2012 | Tiada rekod |
| Pelantikan <i>Outsource</i> untuk Kewangan | Bil. 37/2012 Bertarikh 2.11.2012 | Tiada rekod |
| Lawatan Keluar Negara | Tiada | Tiada rekod |
| Pelantikan <i>Consultant</i> Projek NGN | Bil.11/2012 Bertarikh 30.3.2012 | Bil.4/2012 Bertarikh 12.12.2012 |

Sumber: Laporan Minit Mesyuarat PDC Telcommunication Services Sdn. Bhd

- b. Semenjak kekosongan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2011, Lembaga Pengarah Syarikat telah memutuskan pentadbiran Syarikat akan diambil alih secara sementara oleh Pengerusi dan 2 orang ahli Lembaga Pengarah.

4.4.3.2. Standard Operating Procedures (SOP)

SOP merupakan dokumen utama yang menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. SOP perlu disediakan dan dipatuhi bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Semakan mendapati Syarikat tidak menyediakan SOP pentadbiran dan kewangan tetapi mempunyai SOP untuk pembinaan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi.

Pada pendapat Audit, SOP dan proses kerja yang terperinci dan seragam meliputi aspek bajet, hasil, perbelanjaan dan aset perlu disediakan oleh Syarikat bagi memastikan pengukuhan semua aspek pelaksanaan operasi Syarikat selaras dengan dasar dan objektif Syarikat.

4.4.3.3. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10% perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham daripada

sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi daripada dijangka, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Sekiranya syarikat tidak bercadang untuk membayar dividen syarikat perlu mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri butiran seperti berikut:

- Sebab-sebab mengapa dividen tidak dibayar;
 - Cadangan bayaran bonus kepada kakitangan (jika ada);
 - Cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya;
 - Kerugian terkumpul (jika ada); dan
 - Tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar.
- a. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada tahun 2009 hingga 2011 tiada pembayaran dividen dilakukan oleh Syarikat. Lembaga Pengarah berpendapat keuntungan bersih yang diperoleh perlu dilabur dalam pelbagai projek yang berkaitan. Berdasarkan kepada penyata kewangan Syarikat bagi tahun 2009 hingga 2011, Syarikat telah memperoleh keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM2.3 juta, RM4.25 juta dan RM5.09 juta. Namun, Syarikat tidak membayar dividen kepada syarikat induk iaitu PDC Premier Holdings Sdn. Bhd.. Ini bertentangan dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993,
- b. **Menurut maklum balas Syarikat bertarikh 01 Februari 2013, Mesyuarat Lembaga Pengarah dan pemegang saham Syarikat bersetuju untuk tidak membayar dividen kepada PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. dan MESB Bhd. kerana keuntungannya akan dilaburkan kepada projek seperti *Next Generation Network (NGN)* pada tahun 2013.**

Pada pendapat Audit, dividen perlu dijelaskan kepada syarikat induk mengikut kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993. Sekiranya Syarikat tidak membayar dividen untuk tiga tahun berturut-turut, permohonan pengecualian daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri perlu dikemukakan untuk pertimbangan Ketua Menteri setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk.

4.4.3.4. Pembayaran Bonus

Akta Syarikat 1965 memperuntukkan bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat memperoleh keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 juga menetapkan supaya cadangan bayaran bonus perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk atau Badan Berkanun berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh sebulan selepas akaun tahunan ditutup. Selain itu syarikat hendaklah memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai yang munasabah.

Semakan Audit mendapati, Syarikat telah membayar bonus berjumlah RM68,862 pada tahun 2009 dan RM21,679 pada tahun 2011 kepada 14 orang kakitangannya dan mendapat kelulusan ahli Lembaga Pengarah Syarikat.

4.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat. Semakan yang dijalankan mendapati, Unit Audit Dalam PDC diberi peranan untuk menjalankan pengauditan bagi kesemua anak syarikatnya. Sejak PDC Telcommunication Services Sdn. Bhd. beroperasi pada tahun 2005 Unit Audit Dalam PDC telah menjalankan pengauditan sebanyak 3 kali dan isu-isu pengauditan telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit Syarikat Induk.

4.4.4. Pengurusan Kewangan

Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan perbelanjaan, pengurusan terimaan, pengurusan bajet, pengurusan pelaburan dan pengurusan aset mendapati perkara berikut:

4.4.4.1. Menurut Perenggan 2.1.3 Buku Hijau Teras Dasar dan Garis Panduan dan Perenggan 3.4 Kod Malaysia Untuk Tadbir Urus Korporat 2012 (MCCG) pengasingan yang ketara antara peranan Pengerusi dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) perlu diwujudkan. Kedudukan Pengerusi dan CEO hendaklah dilaksanakan oleh individu yang berlainan serta jawatan pengerusi hendaklah terdiri daripada Ahli Bukan Eksekutif. Adalah didapati kekosongan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif sejak 1 September 2011 masih belum diisi sehingga kini. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bil. 7/2011 bertarikh 12 September 2011, Pengerusi telah memaklumkan bahawa pentadbiran Syarikat akan diambil alih secara sementara oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada Pengerusi, Pengarah MESB Bhd. dan Pengarah dari PDC. Ketiadaan Ketua Pegawai Eksekutif menyebabkan operasi harian dan aktiviti Syarikat dilakukan oleh Jawatankuasa Eksekutif dan ia bercanggah dengan peraturan ditetapkan. **Menurut maklum balas Syarikat bertarikh 01 Februari 2013, Syarikat telah mengadakan dua sesi temu duga jawatan Ketua Pegawai Eksekutif. Bagaimanapun calon yang berjaya telah menolak tawaran tersebut.**

Pada pendapat Audit, Syarikat perlulah berusaha untuk mengisi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dengan segera bagi meningkatkan tadbir urus Syarikat.

4.4.4.2. Pihak Audit mendapati Syarikat tidak mewujudkan prosedur dan tatacara berkaitan dengan kawalan terimaan dan perbelanjaan. Sebagai contohnya dilaporkan seperti berikut:

- a. Resit rasmi untuk terimaan hasil dikeluarkan ditandatangani oleh pegawai yang sama iaitu kerani kewangan syarikat yang juga menerima wang
- b. Tiada surat penurunan kuasa dikeluarkan bagi pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan pembayaran.
- c. Semua bayaran dan dokumen sokongan tidak di cop dengan perkataan “Sudah Bayar”.
- d. Perbelanjaan seminar dan lawatan keluar negara melibatkan wakil dari Syarikat dan juru perunding projek telah dibuat tanpa ada dokumen kelulusan Lembaga Pengarah. Perbelanjaan yang terlibat adalah berjumlah RM135,293 iaitu sekali ke London, 2 kali ke Singapura dan 3 kali ke Seoul, Korea Selatan bagi tahun 2011 dan 2012.
- e. Selain itu, Syarikat telah melantik pihak luar (*outsource company*) untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan kewangan Syarikat seperti perkhidmatan penyediaan akaun Syarikat, penyediaan bajet tahunan dan *payroll*. Bagi tempoh Oktober hingga 31 Disember 2012 Syarikat telah membelanjakan sejumlah RM15,465 bagi perkhidmatan tersebut. Amalan menggunakan perkhidmatan *outsource company* untuk mengendalikan hal-hal kewangan Syarikat adalah tidak sesuai dengan Amalan Terbaik Syarikat Kerajaan.
- f. **Menurut maklum balas Syarikat bertarikh 01 Februari 2013, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang membangun industri *Business Process Outsourcing (BPO)* dan *Shared Services Outsourcing (SSO)* sebagai berteraskan perkhidmatan untuk menarik pelaburan asing dan domestik. Oleh yang demikian, Syarikat berhasrat untuk menjadi perintis dan memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri bagi dasar tersebut. Sehubungan itu, pelantikan (*outsource company*) diharap dapat membantu Syarikat selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri.**

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan Syarikat perlu ditambahbaikkan terutamanya penyediaan prosedur kerja bagi kawalan penerimaan dan perbelanjaan. Selain itu, pengurusan kewangan Syarikat sepatutnya dikendalikan oleh kakitangan dalaman syarikat dan bukannya dikendalikan oleh pihak luar yang mungkin menjejaskan kepentingan syarikat Kerajaan.

4.4.5. Pengurusan Aset Dan Inventori

Amalan Terbaik Syarikat menetapkan semua aset dan inventori syarikat perlulah direkodkan dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan pembaziran. Ini termasuklah menyediakan daftar aset dan inventori, tanda pengenalan aset, pemeriksaan fizikal terhadap aset dan kawalan kenderaan syarikat. Semakan Audit bagi pembelian aset tahun 2010 hingga 2012 mendapati Syarikat telah membuat pembelian aset berjumlah RM136,000 merangkumi peralatan pejabat, komputer dan telefon bimbit. Semakan terhadap 12 sampel aset seperti

komputer, pencetak dan perabot mendapati aset yang dibeli tidak dilabel dengan nombor siri pendaftaran. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Senarai Aset Yang Tidak Dilabel

| Bil. | Jenis Aset | Harga Aset (RM) | Daftar Aset | No. Siri Pendaftaran |
|------|-----------------------------------|-----------------|-------------|----------------------|
| 1. | Blackberry Storm 2 9520 | 2,104 | Ada | Tiada |
| 2. | Panasonic Laser Faks -KX | 890 | Ada | Tiada |
| 3. | Fingerscan Time Attendance System | 4,000 | Ada | Tiada |
| 4. | Executive Table | 2,730 | Ada | Tiada |
| 5. | Executive Chair | 2,730 | Ada | Tiada |
| 6. | HP Probook 4420s | 3,340 | Ada | Tiada |
| 7. | HP Probook 4230s | 2,700 | Ada | Tiada |
| 8. | Intel Processor | 10,795 | Ada | Tiada |
| 9. | HP Pavilion P6338d | 3,280 | Ada | Tiada |
| 10. | HP Colour Laserjet | 6,750 | Ada | Tiada |
| 11. | Server Rack | 3,200 | Ada | Tiada |
| 12. | Panasonic Projector | 2,250 | Ada | Tiada |

Sumber: Daftar Aset Tetap PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.

- a. Syarikat mempunyai 3 buah kenderaan iaitu 2 buah Mitsubishi Triton yang dibeli pada Disember tahun 2012 dan sebuah Naza Sorento yang sedia ada. Bagaimanapun bagi Mitsubishi Triton buku log kenderaan belum mula digunakan manakala Naza Sorento yang disediakan adalah tidak lengkap seperti maklumat berhubung masa, nama pemandu, nama pegawai yang memberi kuasa menggunakan kenderaan, bacaan odometer, kiraan kilometer dan pembelian bahan api tidak diisi dengan sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pengurusan aset khususnya dari aspek pendaftaran dan pelabelan serta penyelenggaraan buku log kenderaan perlu diberi perhatian sebagai jaminan akauntabiliti kewangan Syarikat terhadap pengurusan aset sentiasa terpelihara.

4.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan Syarikat dari aspek pengurusan kewangan adalah baik tetapi dari aspek tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti masih boleh diperbaiki. Bagi memastikan syarikat mencapai objektif penubuhannya, aspek tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan pengurusan aset perlu dipertingkatkan oleh Syarikat dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

4.5.1. Mematuhi semua prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh SKMM dan agensi-agensinya yang berkaitan.

4.5.2. Mematuhi Kod Malaysia Untuk Tadbir Urus Korporat 2012 (MCCG) dan Buku Hijau Teras Dasar Dan Garis Panduan terutamanya mengenai pengisian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengasingan tugas antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif.

4.5.3. Mematuhi prosedur perolehan dan pengurusan aset mengikut Amalan Terbaik Syarikat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa ruang untuk penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang terlibat termasuklah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh turut dijalankan di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

6 Jun 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my